

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN
IBU PEJABAT MARA

**PERMASALAHAN YANG DIHADAPI GURU DALAM
PENGAJARAN SUBJEK PENDIDIKAN ISLAM DI
INSTITUT KEMAHIRAN MARA (IKM) LUMUT**

KAMELAH BINTI ABDULLAH

**PROJEK ILMIAH YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI**

Control No:	000114
LC No.:	000115
LC No.:	

2006

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN
BUK

PERMASALAHAN YANG DIHADAPI GURU DALAM
PENGAJARAN SUBJEK PENDIDIKAN
INSTITUT KEMAHIRAN MARA (IKM)

KAMELAH BINTI ABDULAH

PROJEK ILMIAH YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI


Control No:	000114
Control No:	000115
L.C. No.:	

2006

PENGAKUAN

Saya akui bahawa karya ini adalah hasil karya saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

22 Mei 2006



KAMELAH BINTI ABDULLAH

A 95286

Hak Milik MARA

PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah kerana dengan limpah kurnia-Nya, projek ilmiah ini dapat disiapkan. Justeru itu saya ingin menunjukan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia dan pembimbing saya iaitu Ustaz Zamzuri Bin Zakaria yang telah banyak memberi nasihat dan tunjuk ajar di sepanjang saya melaksanakan kajian ini. Begitu juga ucapan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah di Fakulti Pengajian Islam UKM yang telah banyak mencurahkan ilmu sehingga membolehkan saya melaksanakan tugas ini dengan jayanya.

Seterusnya, penghargaan juga ditujukan kepada pengetua, guru-guru agama dan pelatih-pelatih Institut Kemahiran MARA Lumut yang terlibat secara langsung kerana telah memberikan sepenuh kerjasama untuk saya menyiapkan kajian ini.

Akhirnya ucapan jutaan terima kasih kepada suami saya, anak-anak serta rakan-rakan sekuliah di atas dorongan yang telah mereka berikan. Akhir sekali terima kasih juga saya tujukan kepada sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam menyiapkan projek ilmiah ini. Semoga Allah memberikan ganjaran yang berlipat ganda di atas jasa baik mereka.

K6, Fasa 1D1,
Bandar Baru Seri Manjung,
32040 Seri Manjung,
Perak Darul Ridzuan.
(013-5011790)

@ Institut Kemahiran MARA Lumut,
Jalan Dato' Seri Kamaruddin,
32040 Seri Manjung,
Perak Darul Ridzuan.

**PERMASALAHAN YANG DIHADAPI GURU DALAM
PENGAJARAN SUBJEK PENDIDIKAN ISLAM DI
INSTITUT KEMAHIRAN MARA (IKM) LUMUT**

KAMELAH BINTI ABDULLAH (A 95286)

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan melihat proses pengajaran subjek Pendidikan Islam di IKM Lumut dan mengenalpasti permasalahan yang dihadapi. Kajian juga bertujuan untuk mencari jalan penyelesaian dengan mengemukakan cadangan-cadangan ke arah penambahbaikan proses tersebut. Kajian dijalankan dengan menggunakan kaedah kajian perpustakaan, temubual secara lisan dengan pihak-pihak yang terlibat dan juga kaedah pemerhatian semasa pengajaran dilaksanakan untuk mengenalpasti bentuk-bentuk permasalahan yang dialami oleh guru-guru tersebut. Permasalahan yang dihadapi oleh sebahagian guru ialah dari sudut keilmuan dan kemahiran mengajar. Permasalahan lain yang dikenalpasti juga kekurangan bahan bantu mengajar di bilik-bilik kuliah, pengambilan pelatih yang berperingkat-peringkat, peruntukan masa mengajar, prasarana, persekitaran bilik kuliah, sukatan pelajaran, kaedah pengajaran serta bebanan tugas guru. Cadangan yang dapat diberikan oleh penulis di antaranya ialah meningkatkan kemahiran guru dalam menyampaikan pengajaran melalui kursus jangka pendek atau jangka panjang, mengadakan bengkel atau seminar dari semasa ke semasa, menyediakan dan menambahkan lagi Alat Bantu Mengajar di bilik-bilik kuliah, menyelaraskan pengambilan pelatih, menyediakan prasarana dan persekitaran yang lebih baik dari yang ada kini, sukatan pelajaran yang mantap dan kaedah pengajaran guru hendaklah diperbaiki lagi mengikut kreativiti guru tersebut.

KANDUNGAN

		Halaman
HALAMAN JUDUL		i
PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
KANDUNGAN		v
SENARAI SINGKATAN		vii
PENDAHULUAN		viii
BAB I	PROSES PENGAJARAN SUBJEK PENDIDIKAN ISLAM DI INSTITUT KEMAHIRAN MARA (IKM) LUMUT	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang IKM	2
1.3	Kurikulum Latihan	3
1.4	Program Latihan Kemahiran MARA	4
1.5	Tujuan Latihan Kemahiran	5
1.6	Kemudahan Asas	5
1.7	Falsafah dan Matlamat Pendidikan Islam di IKM	6
1.8	Kedudukan Subjek Pendidikan Islam di IKM	6
1.9	Definisi Istilah	7
	1.9.1 Pengajaran	7
	1.9.2 Pembelajaran	7
	1.9.3 Pendidikan	7
	1.9.4 Pendidikan Islam	8
	1.9.5 Guru Agama	8
	1.9.6 Pelatih	8
1.10	Sukatan Pelajaran	9
	1.10.1 Semester Satu	9
	1.10.2 Semester Dua	13

	1.10.3 Semester Tiga	16
1.11	Peruntukan Masa	20
1.12	Tempat Belajar	20
1.13	Bilangan Pelatih	21
1.14	Bilangan Guru	21
1.15	Kelayakan Iktisas	21
1.16	Latihan Mengajar	21
1.17	Perlaksanaan Pengajaran	21
1.18	Rumusan	22
BAB II	PERMASALAHAN PENGAJARAN SUBJEK PENDIDIKAN ISLAM DI IKM LUMUT	
2.1	Pendahuluan	23
2.2	Permasalahan Pengajaran	24
	2.2.1 Masalah Dalaman	24
	2.2.1.1 Keilmuan Guru	24
	2.2.1.2 Kemahiran Guru	24
	2.2.1.3 Sifat dan Personaliti Guru	25
	2.2.2 Masalah Luaran	27
	2.2.2.1 Pengambilam Pelatih	27
	2.2.2.2 Bilangan Pelatih	27
	2.2.2.3 Bilangan Guru	27
	2.2.2.4 Peruntukan Masa	28
	2.2.2.5 Prasarana	28
	2.2.2.6 Persekitaran	29
	2.2.2.7 Sukatan Pelajaran	29
	2.2.2.8 Kaedah Pengajaran	30
	2.2.2.9 Tugas Guru	30
2.3	Kesimpulan	31

**BAB III CADANGAN PROSES PENGAJARAN SERTA
PENYELESAIAN MASALAH**

3.1	Pendahuluan	32
3.2	Cadangan-Cadangan	33
	3.2.1 Keilmuan Guru	33
	3.2.2 Kemahiran Guru	34
	3.2.3 Sifat dan Personaliti Guru	35
	3.2.3 Pengambilan Pelatih	38
	3.2.4 Bilangan Pelatih	39
	3.2.4 Bilangan Guru	39
	3.2.5 Peruntukan Masa	40
	3.2.6 Prasarana	40
	3.2.7 Persekitaran	42
	3.2.8 Sukatan Pelajaran	42
	3.2.9 Kaedah Pengajaran	42
	3.2.10 Tugas Guru	45
3.3	Rumusan	46
	PENUTUP	48
	RUJUKAN	49
	LAMPIRAN A	
	LAMPIRAN B	
	LAMPIRAN C	

BAB III	CADANGAN PROSES PENGAJARAN SERTA PENYELESAIAN MASALAH	
3.1	Pendahuluan	32
3.2	Cadangan-Cadangan	33
	3.2.1 Keilmuan Guru	33
	3.2.2 Kemahiran Guru	34
	3.2.3 Sifat dan Personaliti Guru	35
	3.2.3 Pengambilan Pelatih	38
	3.2.4 Bilangan Pelatih	39
	3.2.4 Bilangan Guru	39
	3.2.5 Peruntukan Masa	40
	3.2.6 Prasarana	40
	3.2.7 Persekitaran	42
	3.2.8 Sukatan Pelajaran	42
	3.2.9 Kaedah Pengajaran	42
	3.2.10 Tugas Guru	45
3.3	Rumusan	46
	PENUTUP	48
	RUJUKAN	49
	LAMPIRAN A	
	LAMPIRAN B	
	LAMPIRAN C	

SENARAI SINGKATAN

ABM	Alat Bantu Mengajar
IKM	Institut Kemahiran MARA Lumut
KPLI	Kursus Perguruan Lepas Ijazah
MARA	Majlis Amanah Rakyat
s.a.w	Sallallahu 'alaihi wasallam
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
S.W.T	Suhhanahu wata'ala
t.th	Tanpa tahun
V	Vokasional
%	Peratus

Hak Milik MARA

PENDAHULUAN

Islam meletakkan pendidikan dan usaha mendapatkan ilmu pengetahuan di tahap yang sangat tinggi dalam seluruh kegiatan hidup manusia bermula dari dalam buaian sehingga ke liang lahad. Matlamat utama dari usaha tersebut tidak lain adalah semata-mata untuk melahirkan manusia yang berguna kepada agama, bangsa dan negara. Tanpa pendidikan manusia akan sentiasa berada di dalam kegelapan tanpa cahaya yang menyinari dan tamadun manusia tidak akan berkembang seiring dengan kemajuan dan kecanggihan teknologi masa kini.

Namun begitu, kita dapati kini usaha mendidik semakin hari semakin rumit dan banyak dipenuhi ranjau dan duri disebabkan oleh pelbagai faktor sama ada dalaman ataupun luaran. Banyak berita yang memaparkan tentang gelagat pelajar yang kurang sopan, melawan guru, ponteng kelas, berpelesenan di pusat-pusat hiburan dan lain-lain lagi yang mana menggambarkan kepada kita bahawa tugas Guru Agama semakin mencabar dan usaha menarik minat pelajar untuk menghayati ajaran agama perlu ditingkatkan melalui penggunaan teknik pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan berkesan.

Faktor pelajar bermasalah untuk menerima pelajaran adakalanya dikaitkan oleh sesetengah pihak dengan guru yang yang tidak pandai mengajar, guru tidak berminat dengan profession tersebut, guru sendiri mempunyai masalah peribadi dan lain-lain lagi yang mana memerlukan suatu kajian yang menghuraikan permasalahan tersebut.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian mengenai permasalahan pengajaran subjek Pendidikan Islam di IKM Lumut ini penting disebabkan oleh kerana :

- i) Dapat mengenalpasti permasalahan yang timbul semasa proses pengajaran subjek Pendidikan Islam di IKM Lumut.
- ii) Tiada didapati kajian khusus yang dijalankan selama ini terhadap faktor-faktor mengapa pelajar IKM Lumut kurang berminat untuk mempelajari subjek Pendidikan Islam dan dengan ini pihak yang terlibat dapat mengenalpasti punca pelajar bersikap sedemikian.
- iii) Membantu Guru-Guru Agama IKM Lumut untuk membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa dari aspek kaedah pengajaran.
- iv) Mencadangkan kepada pihak pengurusan IKM Lumut prasarana yang mencukupi untuk membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran subjek Pendidikan Islam di IKM Lumut dilaksanakan dengan jayanya.

OBJEKTIF KAJIAN

Menerusi kajian yang dijalankan adalah diharapkan dapat :

- i) Melihat proses pengajaran subjek Pendidikan Islam di IKM Lumut.
- ii) Mengetahui permasalahan dalam pengajaran subjek Pendidikan Islam di IKM Lumut.

- iii) Memberikan cadangan-cadangan dan langkah-langkah ke arah penambahbaikan serta penyelesaian kepada permasalahan yang berlaku.

SKOP / LIMITASI KAJIAN

Kajian ini akan dijalankan di Institut Kemahiran MARA Lumut (IKM) yang terletak di Daerah Manjung, Perak. Ia melibatkan 4 orang Guru Agama yang mana 2 orang daripada mereka telah mengajar selama 5 tahun ke atas dan 2 orang lagi kurang dari tempoh itu. Kajian ini akan menghuraikan permasalahan-permasalahan yang dihadapi semasa pelaksanaan proses pengajaran subjek Pendidikan Islam serta jalan penyelesaiannya.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam menjayakan projek ilmiah ini beberapa metodologi yang akan digunakan seperti berikut :

- i) Kajian perpustakaan
Kajian ini melibatkan rujukan buku-buku, risalah, majalah, petikan dan rencana akhbar serta bahan-bahan bertulis yang berkaitan dengan tajuk kajian.
- ii) Kajian lapangan iaitu melalui:
 - a) Temubual dengan pihak-pihak yang terlibat.
 - b) Observasi.

SOROTAN LITERATUR

Sejak dahulu lagi pelbagai kajian telah dijalankan oleh sarjana pendidikan dalam usaha untuk memperbaiki sistem pendidikan negara. Pelbagai aspek perbincangan mengenainya dikupas dengan begitu mendalam dan amat kritis. Namun begitu penulis

tidak pernah mendapati penulisan yang berkaitan dengan permasalahan yang dihadapi oleh Guru-Guru Agama IKM Lumut dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Subjek Pendidikan Islam.

Muhamad Bin Endut (1992) di dalam tesisnya yang bertajuk Satu Kajian Tentang Masalah Pengajaran di Sekolah-Sekolah Negeri Johor dan juga kajian yang telah dijalankan oleh Mohammad Tajuddin Bin Sidek (2000), kedua-dua penulis memfokuskan pengkajian tentang masalah penggunaan dan permasalahan alat bantu mengajar dikalangan guru.

Tinjauan yang telah dilakukan oleh mereka berkisar di sekitar satu permasalahan dalam bidang pendidikan dan guru merupakan subjek utama kepada permasalahan tersebut. Kajian yang telah dijalankan adalah mengenai kekerapan guru menggunakan ABM, apakah jenis peralatan yang sering digunakan dan masalah yang dihadapi oleh guru untuk menggunakan alat tersebut.

Semenjak subjek Pendidikan Islam diimplimentasikan di IKM Lumut, penulisan atau kajian khusus berkenaan permasalahan pengajaran tidak pernah dijumpai oleh penulis sebelum ini. Memandangkan banyak aspek yang perlu disentuh dan dikupas dengan lebih mendalam meliputi permasalahan guru berkaitan pengajaran maka penulis cuba mengemukakan penulisan yang akan merungkaikannya secara terperinci.

BAB I

PROSES PENGAJARAN SUBJEK PENDIDIKAN ISLAM DI IKM LUMUT

1.1 PENGENALAN

Dalam bab pertama akan disentuh mengenai latar belakang IKM Lumut secara umum, kurikulum latihan yang dijalankan dan tujuan-tujuan latihan kemahiran yang ditawarkan. Kemudian dikenalpasti kemudahan asas yang disediakan di IKM serta menyatakan falsafah dan matlamat Pendidikan Islam di IKM.

Seterusnya perbincangan menyentuh tentang kedudukan subjek Pendidikan Islam di IKM serta menerangkan definisi yang berkaitan dengan pengajaran, pembelajaran, pendidikan, pendidikan Islam, guru agama dan pelatih. Ini bertujuan untuk memudahkan pembaca memahami istilah yang digunakan dalam kajian.

Sukatan pelajaran yang diajar pada semester satu, dua dan tiga dengan dilihat dan diurai menurut peruntukan masa mengajar, tempat belajar, bilangan pelatih, bilangan guru, kelayakan iktisas guru, bilangan guru yang telah mendapat latihan mengajar serta pelaksanaan pengajaran Pendidikan Islam di IKM Lumut.

1.2 LATAR BELAKANG IKM

Institut Kemahiran MARA Lumut terletak di Bandar Seri Manjung, lebih kurang 2 kilometer dari Bandar Setiawan dan juga terletak berhampiran dengan Pekan Lumut, Telok Batik dan Pulau Pangkor. Kampus IKM Lumut mempunyai keluasan 48 ekar iaitu yang terbesar di antara IKM seluruh Malaysia. Ia telah dirasmikan pada 23 Jun 1977 oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Manan Othman iaitu Menteri Perusahaan Awam Malaysia pada masa itu.

Struktur bangunan di IKM Lumut terdiri daripada bangunan utama bangunan pentadbiran, bengkel-bengkel latihan, bilik-bilik kuliah, dewan besar, surau, kantin, koperasi serta asrama putera dan puteri. Pihak IKM telah membina sebuah rumah pengetua dan rumah ketua warden. Selain daripada itu akan diwujudkan lagi beberapa blok bangunan integrasi yang akan dilengkapi dengan makmal, bilik teater dan bilik kuliah berhawa dingin untuk kemudahan para pelatih.

Jumlah pelatih IKM Lumut kini seramai 1400 orang terdiri daripada lelaki dan perempuan. Mereka merupakan pelajar lepasan SPM atau SPM (V) dari seluruh Malaysia. Manakala tenaga pengajarnya adalah seramai 130 orang.

Selaras dengan peningkatan dan perkembangan MARA, pengurusan IKM Lumut khasnya telah merancang serta merangka beberapa perubahan bagi menaikkan tarafnya terutama dalam menyediakan kemudahan kepada pelatih-pelatih dan warga IKM. Perancangan yang sedang dilaksanakan ialah menambah kemudahan asrama yang sedia ada bagi menampung jumlah pelatih yang sentiasa bertambah. Dengan ini pelatih dapat menikmati kehidupan asrama dengan selesa dan lebih terkawal dari aspek disiplin dan keselamatan mereka (<http://www.ikm.edu.my/lumut>).

IKM Lumut diterajui oleh seorang pengetua dan dibantu oleh dua orang Penolong Pengetua yang mengurus hal ehwal latihan dan seorang lagi menjalankan khidmat pengurusan dan hal ehwal pelatih. Hal ehwal latihan termasuklah pengajian teknikal, pengajian am, peperiksaan dan persijilan. Manakala khidmat pengurusan dan hal ehwal pelatih termasuk kaunseling dan kerjaya, pusat sumber dan pejabat

pentadbiran. Untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas sila rujuk lampiran A dan B.

1.3 KURIKULUM LATIHAN

Pelatih-pelatih yang mengikuti latihan di IKM dimestikan mengikuti kurikulum yang telah ditetapkan. Ia terdiri daripada subjek kemahiran, kejuruteraan dan dan lain-lain subjek yang berkaitan dengan kursus yang diikuti. Pelatih juga mesti melibatkan diri dalam salah satu aktiviti ko-kurikulum seperti kelab, persatuan, badan beruniform, sukan dan aktiviti kemasyarakatan.

Tempoh belajar di IKM hanya memakan masa selama 18 bulan kecuali bagi jurusan Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Domestik & Industri) selama 24 bulan dan Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Penjaga Jentera A1) selama 36 bulan. Sebelum ini pembelajaran dijalankan secara satu sesi sahaja dan bermula pada sesi Januari / Jun 2006 telah bermula pelaksanaan secara dwi-sesi iaitu pagi dan malam untuk percubaan.

Perlaksanaan ini melibatkan kursus yang mempunyai bilangan pelatih yang ramai (lebih dari dua kelas). Tujuan disebalik pelaksanaan sistem ini ialah untuk menampung pengambilan pelajar yang berlebihan berbanding peralatan yang sedia ada dan kurang mencukupi.

Pelatih-pelatih yang menjalani pembelajaran sesi pagi akan memulakan kuliah atau bengkel pada jam 7.45 pagi dan akan tamat pada jam 4.45 petang. Manakala sesi kedua pula akan memulakan kuliah pada jam 2.30 petang dan akan berakhir pada jam 11.00 malam (<http://www.ikm.edu.my/lumut>).

1.4 PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN

Program Latihan Kemahiran yang dijalankan di IKM seluruh Malaysia terdiri dari Tahap Diploma dan Tahap Sijil. Terdapat 11 buah IKM di Malaysia yang menawarkan program Tahap Sijil termasuk IKM Lumut. Sebanyak 27 buah kursus sepenuh masa dikendalikan di IKM seluruh Malaysia.

IKM Lumut hanya menawarkan sebanyak 13 kursus sahaja iaitu Teknologi Kerja Paip, Teknologi Rekabentuk dan Pengeluaran Perabot, Teknologi Baik Pulih Badan Kenderaan, Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Foundry dan Pembuat Corak), Teknologi Kimpalan dan Fabrikasi, Teknologi Upholstri dan Hiasan Dalaman, Teknologi Kejuruteraan Automobil, Teknologi Kejuruteraan Awam (Bangunan), Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan), Teknologi Senibina, Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Penjaga Jentera A1), Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Lukisan dan Rekabentuk) dan Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Domestik dan Industri).

Latihan dijalankan selama dua semester setahun dengan setiap semester mengandungi 26 minggu. Pada amnya pecahan setiap semester pengajian adalah seperti berikut:

BILANGAN MINGGU	AKTIVITI
10 MINGGU	LATIHAN
1 MINGGU	MINGGU AKTIVITI
12 MINGGU	LATIHAN
3 MINGGU	CUTI SEMESTER

Para pelatih yang telah tamat menjalani latihan di IKM Lumut akan berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi iaitu di institusi pengajian tinggi awam atau swasta (<http://www.ikm.edu.my/lumut>).

1.5.1 TUJUAN LATIHAN KEMAHIRAN

- i) Melengkapkan para belia bumiputera dengan ilmu pengetahuan kemahiran dan perdagangan supaya mereka boleh berdikari dan bersedia mencebur diri dalam bidang perniagaan dan perusahaan secara langsung.
- ii) Mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja mahir dan separa mahir di sektor swasta serta awam.
- iii) Meningkatkan kemahiran dan kebolehan para belia yang sedang atau sudahpun berkecimpung dalam lapangan yang diceburi.
- iv) Mengurangkan kadar pengangguran di kalangan belia bumiputera dengan mewujudkan lebih banyak lagi institusi-institusi kemahiran.
- v) Mempergiatkan penyertaan bumiputera di bidang pekerjaan kemahiran dan perdagangan di setiap peringkat dan bidang pekerjaan.
- vi) Membentuk pelatih-pelatih ke arah pengujudan usahawan secara efektif dengan cara memberikan latihan urusan perniagaan di samping latihan kemahiran.

1.6 KEMUDAHAN ASAS

Latihan yang diberikan di IKM adalah secara percuma. Ia termasuk penginapan asrama dan makan minum. Bayaran akan ditolak dari imbuhan atau elaun yang diterima oleh para pelatih pada setiap bulan. Untuk memastikan pelatih mempunyai fizikal yang kuat dan sihat maka IKM Lumut menyediakan kemudahan untuk bersukan seperti padang bola sepak, gelanggang bola tampar, gelanggang sepak takraw dan gelanggang badminton.

Untuk memudahkan pelatih mengadakan urusan atau program luar maka disediakan pengangkutan seperti bas dan van. Begitu juga untuk menunaikan ibadah, sebuah surau disediakan untuk solat berjemaah lima waktu serta mengadakan aktiviti keagamaan lain. Sebuah dewan besar disediakan untuk pelbagai kegunaan seperti perhimpunan bulanan, sukan *indoor games* dan lain-lain aktiviti yang bersesuaian.

Pelatih-pelatih juga boleh mendapatkan kemudahan komputer dan internet melalui kafe siber yang disediakan bersebelahan dengan koperasi Ikatan Kerjasama Manjung yang terletak di dalam kawasan asrama. Bayaran yang dikenakan adalah berpatutan dan lebih murah jika dibandingkan dengan harga di luar (<http://www.ikmlumut.com>).

1.7 FALSAFAH DAN MATLAMAT PENDIDIKAN ISLAM DI IKM

Falsafah Pendidikan Islam dalam Latihan Kemahiran MARA adalah merupakan usaha yang berterusan bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah bagi mencapai kecemerlangan hidup dan mendapat keredhaan Allah di dunia dan di akhirat.

Manakala matlamatnya pula ialah untuk membentuk kehidupan pelatih berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah supaya menjadi insan muslim yang berilmu, berkeترampilan dan berkeperibadian mulia yang menggambarkan insan soleh (Buku Panduan Subjek Pendidikan Islam IKM Lumut, t.th).

1.8 KEDUDUKAN SUBJEK PENDIDIKAN ISLAM DI IKM

Subjek Pendidikan Islam di IKM merupakan satu mata pelajaran yang wajib diambil oleh setiap pelatih Institut Kemahiran MARA (IKM) yang beragama Islam dan mana-mana pelatih yang berlainan agama tidak dilarang untuk mengikutinya. Ia merupakan subjek pelengkap kepada subjek teknikal. Pelatih-pelatih dikehendaki lulus subjek Pendidikan Islam, Usahawan, Matematik, Pengajian Malaysia, Bahasa Inggeris dan juga ko-kurikulum untuk membolehkan mereka dianugerahi Sijil IKM serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) apabila tamat pengajian nanti. Mana-mana pelatih yang gagal di dalam subjek ini dikehendaki mengulang sehingga lulus.

1.9 DEFINISI ISTILAH

Huraian perlu diberikan terhadap beberapa istilah yang digunakan bagi memperkecilkan skop dan ruang lingkup kajian agar ia tidak terlalu luas. Istilah-istilah yang telah digunakan adalah seperti berikut:

1.9.1 Pengajaran

Pengajaran merupakan satu bentuk pengurusan dan pengendalian bilik darjah semasa proses pengajaran berlaku. Tengku Iskandar (1994) mentakrifkan bahawa pengajaran adalah suatu yang berkaitan dengan mengajar, merujuk kepada cara dan sistem mengajar. Manakala pengajaran menurut kefahaman yang diberikan oleh Ee Ah Meng (1997), adalah merupakan sebagai suatu proses penyampaian kemahiran, ilmu pengetahuan, sikap dan nilai yang mana akan menyebabkan perubahan tingkah laku seseorang pelajar.

1.9.2 Pembelajaran

Pembelajaran dapat difahami sebagai proses atau kegiatan belajar di dalam bilik darjah. Menurut perspektif Islam, maksud pengajaran dan pembelajaran dikaitkan dengan metodologi pendidikan. Menurut Faridah, (1989), metodologi pendidikan adalah ilmu pengetahuan yang membincangkan kaedah yang perlu dilalui atau dipergunakan dalam proses mendidik dan mengajar.

1.9.3 Pendidikan

Sarjana-sarjana Muslim secara umum mentakrifkan pendidikan sebagai suatu proses mendidik dan melatih akal, jasmani dan rohani manusia berasaskan nilai-nilai Islam yang bersumberkan wahyu iaitu al-Quran dan al-Hadith bagi melahirkan manusia yang berilmu, bertaqwa dan mengabdikan diri kepada Allah semata-mata. Menurut al-Syaibāny (1979) pendidikan merupakan proses membina keperibadian Muslim yang sempurna dalam pelbagai aspek bagi mendapatkan kebahagiaan dunia dan akhirat.

Mengikut al-Tamimi, Izzudin dan Badr Samrin (1985), pendidikan yang sebenar adalah pendidikan yang mampu memperbaiki kehidupan manusia dan yang dapat mewujudkan keseimbangan peribadi seseorang insan. Melalui pendidikan itu juga akan lahir insan yang berilmu, beriman dan berakhlak mulia.

Menurut pandangan Islam pendidikan merupakan proses bagi melatih dan mendidik *'aqliyyah, jasmāniah, rohaniyah* dan *ijtimā'iyah* (kemasyarakatan) serta *akhlaqiah* manusia. Oleh kerana itu pendidikan dapat disimpulkan sebagai proses melatih akal, fizikal, moral, perasaan dan kemasyarakatan untuk menjadi manusia dan warganegara yang baik (Abdullah Ishak, 1995: 12).

1.9.4 Pendidikan Islam

Dalam kajian ini, Pendidikan Islam bermaksud subjek Pendidikan Islam yang diajar di Institut Kemahiran MARA Lumut. Ia merupakan sebahagian daripada komponen subjek Pengajian Am yang mana pelatih mesti lulus untuk membolehkan mereka dianugerahkan sijil IKM.

1.9.5 Guru Agama

Guru Agama ialah mereka yang dipertanggungjawabkan untuk mengajar subjek Pendidikan Islam di IKM Lumut. Biasanya mereka diberi gelaran 'Ustaz' bagi guru lelaki dan 'Ustazah' bagi guru wanita.

1.9.6 Pelatih

Pelajar Institut Kemahiran MARA Lumut dipanggil dengan gelaran pelatih kerana mereka dilatih di sini dalam pelbagai bidang kemahiran teknikal seperti yang disenaraikan di atas. Pengambilan dibuat berdasarkan SPM atau SPM (V) dan memenuhi kelayakan minima kursus yang dipohon.

1.10 SUKATAN PELAJARAN

Sukatan pelajaran subjek Pendidikan Islam di IKM Lumut dibahagikan kepada semester satu, dua dan tiga sepertimana berikut:

1.10.1 Semester Satu

Minggu	Tarikh	Tajuk Pembelajaran	Jam
1	4-8/7/06	Orientasi Kursus 1.1 Pengenalan sukatan pelajaran 1.2 Ta'aruf pelatih dan rekod kedatangan 1.3 Pemarkahan	1
2	11 - 15/7/06	Akidah Islam 2.1 Pengertian dan dalil 2.2 Kepentingan mempelajari aqidah 2.3 Peranan aqidah dalam kehidupan 2.4 Perkara yang merosakkan aqidah	1
3	18 - 22/7/06	Islam, Iman dan Ehsan 3.1 Pengertian dan dalil 3.2 Konsep syahadah 3.3 Pembahagian iman-bertambah & berkurang 3.4 Perkara yang membatalkan iman	1
4	25 - 29/7/06	Beriman Kepada Allah 4.1 Pengertian dan dalil 4.2 Pembahagian tauhid 4.3 Sifat-sifat bagi Allah	1
5	1-5/8/06	Beriman Kepada Malaikat dan Kitab 5.1 Pengertian dan hakikat Malaikat 5.2 Perbezaan Malaikat, Jin dan Syaitan 5.3 Al-Quran dan keistimewaannya	1
6	8 - 12/8/06	Beriman Kepada Rasul 6.1 Pengertian rasul dan sifat-sifatnya	1

		6.2 Perbezaan antara nabi dan rasul 6.3 Rasul ulu al- ^c azmi dan hikmah kerasulan	
7	15 - 19/8/06	Beriman Kepada Hari Akhirat serta Qadha' dan Qadar 7.1 Pengertian dan tandanya 7.2 Proses berlaku hari kiamat dan perkara yang berkaitan dengannya 7.3 Qadha' dan Qadar 7.4 Perbuatan dan usaha manusia serta perselisihan pendapat ulama mengenainya 7.5 Salah faham konsep qadha' dan qadar	1
8	22 - 26/8/06	Ujian 1 (25 markah)	1
9	29 - 2/9/06	Islam Sebagai Agama dan Tamadun 9.1 Pengertian Islam 9.2 Pengertian agama 9.3 Pengertian ibadah 9.4 Pengertian tamadun	1
10	5 - 9/9/06	Konsep-Konsep Asas 10.1 Konsep manusia 10.2 Konsep masyarakat 10.3 Konsep sejarah	1
11	12 - 16/9/06	Minggu Aktiviti	1
12	19 - 23/9/06	Sifat-Sifat Tamadun Islam 12.1 Kesejagatan 12.2 Keterbukaan 12.3 Sepanjang zaman 12.4 Toleransi terhadap agama dan budaya lain 12.5 Kesatuan dalam kepelbagaian 12.6 Keseimbangan rohani dan jasmani	1
13	26 - 30/9/06	Ciri-Ciri Utama Islam (Berdasarkan Prinsip Tawhīdi) 13.1 Islam datang daripada Allah (Rabbāni)	1

		13.2 Menyeluruh dan umum 13.3 Tetap dan anjal 13.4 Ideal dan realistik	
14	3 - 7/10/06	Keunikan Tamadun Islam 14.1 Agama melahirkan tamadun 14.2 Peradaban 14.3 Perkembangan 14.4 Konsep al-ummah 14.5 Asas pengetahuan	1
15	10 - 14/10/06	Prinsip Keseimbangan dan Kesederhanaan dalam Tamadun Islam 15.1 Seimbang dari sudut kepercayaan 15.2 Seimbang dalam ibadat dan syiar 15.3 Seimbang antara kerohanian dan kebendaan 15.4 Seimbang antara individu dengan masyarakat 15.5 Batas kebebasan individu	1
16	17 - 21/10/06	Ujian 2 (25 markah)	1
17	24 - 28/10/06	Pandangan Semesta Alam (1) Konsep Huqūq Allah 17.1 Menjadikan manusia 17.2 Meletakkan garis panduan 17.3 Memberi kebebasan memilih antara baik dan buruk 17.4 Hak Allah ke atas manusia	1
18	30 - 4/11/06	Pandangan Semesta Islam (2) Konsep Huqūq al- ^o Ibād 18.1 Mengenal diri dan pencipta 18.2 Mengetahui garis panduan dan pedoman 18.3 Memilih perkara yang baik 18.4 Menunaikan ibadah 18.5 Persediaan untuk hari pembalasan	1
19	7 - 11/11/06	Pandangan Semesta Islam (3) Konsep Huqūq al- ^o ālam 19.1 Sunnah Allah terhadap alam	1

		19.2 Keperluan alam untuk manusia 19.3 Keperluan menjaga alam sekitar 19.4 Tanda kebesaran pencipta	
20	14 - 18/11/06	Pandangan Semesta Islam (4) Hubungan antara Allah, Manusia dan Alam 20.1 Kekuasaan milik Allah 20.2 Kelemahan manusia dan keperluan kepada pertolongan 20.3 Kejadian alam adalah untuk manusia 20.4 Keperluan alam dijaga untuk kebaikan manusia	1
21	21 - 25/11/06	Peperiksaan Akhir (40 markah)	
22	28 - 2/12/06	Minggu Pemarkahan dan Dokumentasi	

Merujuk kepada sukatan pelajaran semester satu di atas, pada minggu pertama pelatih akan diberikan pengenalan berkenaan sukatan pelajaran, taaruf pelatih, penerangan dan penyerahan kerja kursus serta sistem pemarkahan. Pembelajaran semester satu bermula dari minggu ke-2 hingga ke-7 adalah merangkumi konsep asas berkenaan aqidah iaitu membicarakan berkaitan dengan Islam, Iman (percaya kepada Allah, percaya kepada Malaikat, percaya kepada kitab, percaya kepada Rasul, percaya kepada hari akhirat, qadha' qadar) dan *ihsān*. Pada minggu ke-8 akan diadakan ujian 1 yang mana markahnya adalah sebanyak 25%.

Pada minggu ke-9 dan ke-10 pembelajaran diteruskan dengan penumpuan diberikan kepada pengertian berkenaan Islam, pengertian agama, pengertian ibadah, pengertian tamadun serta konsep asas manusia, masyarakat dan konsep sejarah.

Pada minggu ke-11 pelatih-pelatih akan menjalani minggu aktiviti yang mana pelatih tidak akan menghadiri kuliah dan bengkel sebaliknya menjalani aktiviti persatuan atau apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan ko-kurikulum sahaja.

Pada minggu ke-12 hingga 15 pelajaran diteruskan dengan pembelajaran mengenai sifat-sifat tamadun Islam, ciri-ciri utama Islam (berdasarkan prinsip *tawhīdi*), keunikan tamadun Islam, prinsip keseimbangan dan kesederhanaan dalam tamadun Islam.

Pelatih akan menjalani ujian 2 pada minggu ke-16, markah ditentukan sebanyak 25% dan pada minggu seterusnya akan diajar tentang pandangan alam semesta Islam iaitu berkisar sekitar konsep *huquq* Allah, *huquq al-^ʿibād*, *huquq al-^ʿālam* serta hubungan antara Allah, manusia dan alam. Peperiksaan akhir akan dijalankan pada minggu ke-21 dan markahnya adalah sebanyak 40%. Markah selebihnya adalah diambil dari kerja kursus yang diberikan oleh guru untuk mencukupkan sebanyak 100% kesemuanya.

1.10.2 Semester Dua

Minggu	Tarikh	Tajuk Pembelajaran	Jam
1	4-8/7/06	Orientasi Kursus 1.1 Pengenalan sukatan pelajaran 1.2 Ta'aruf pelatih dan rekod kedatangan 1.3 Penyediaan kerja kursus dan pemarkahan	1
2	11-15/7/06	Epistemologi Islam (1) 2.1 Pengertian epistemologi 2.2 Sumber dan jenis-jenis ilmu	1
3	18-22/7/06	Epistemologi Islam (2) 3.1 Peringkat dan jenis penerima ilmu 3.2 Ilmu dari segi hukum	1
4	25-29/7/06	Aksiologi Islam 4.1 Pengertian aksiologi 4.2 Sumber-sumber nilai 4.3 Peringkat (hirarki) system nilai	1
5	1-5/8/06	Konsep Kekeluargaan dan Kemasyarakatan Sebelum Perkahwinan (1)	1

		5.1 Keibubapaan 5.2 Matlamat perkahwinan dalam Islam 5.3 Perkahwinan dan hukumnya	
6	8-12/8/06	Konsep Kekeluargaan dan Kemasyarakatan Sebelum Perkahwinan (2) 6.1 Pemilihan jodoh 6.2 Peminangan dan pertunangan serta hukumnya 6.3 Melihat wanita yang hendak dipinang 6.4 Peraturan pertunangan	1
7	15-19/8/06	Konsep Kekeluargaan dan Kemasyarakatan Semasa Perkahwinan (1) 7.1 Konsep nikah 7.2 Hikmah nikah 7.3 Rukun-rukun nikah 7.4 Wanita yang haram dinikahi 7.5 Hal berkaitan dengan larangan perkahwinan bagi lelaki 7.6 Implikasi perjanjian akad nikah	1
8	22-26/8/06	Ujian 1 (25 markah)	1
9	29-2/9/06	Konsep Kekeluargaan dan Kemasyarakatan Semasa Perkahwinan (2) 9.1 Mut'ah 9.2 Nusyuz 9.3 Talak 9.4 Khulu' 9.5 'Iddah 9.6 Hak dan tanggungjawab suami isteri	1
10	5-9/9/06	Konsep Kekeluargaan dan Kemasyarakatan Kemasyarakatan Islam (1) 10.1 Adab dan sanksi dalam perhubungan dan pergaulan 10.2 Keluarga nuklear dan keluarga asas 10.3 Individu dan masyarakat penyayang	1
11	12-16/9/06	Minggu Aktiviti	1
12	19-23/9/06	Konsep Kekeluargaan dan Kemasyarakatan (3)	1

		12.1 Ummah pertengahan dan terbaik 12.2 Pewarisan	
13	26-30/9/06	Konsep Pendidikan Dalam Islam (1) 13.1 Konsep dan prinsip pendidikan 13.2 Institusi pendidikan dan pengajian 13.3 Peranan dan tanggungjawab	1
14	3-7/10/06	Konsep Pendidikan Dalam Islam (2) 14.1 Adab perhubungan dalam pendidikan 14.2 Pendidikan Islam dalam sistem pendidikan Malaysia 14.3 Peranan pendidikan dalam pembinaan budaya	1
15	10-14/10/06	Ujian 2 (25 markah)	1
16	17-21/10/06	Konsep Ekonomi Dalam Islam (1) 16.1 Definisi 16.2 Falsafah ekonomi Islam 16.3 Konsep dan prinsip ekonomi	1
17	24-28/10/06	Konsep Ekonomi Dalam Islam (2) 17.1 Jualbeli dalam Islam 17.2 Aktiviti ekonomi 17.3 Etika ekonomi Islam	1
18	30-4/11/06	Konsep Ekonomi Dalam Islam (3) 18.1 Institusi ekonomi dan kewangan Islam di Malaysia 18.2 Perbandingan antara sistem ekonomi Islam dan konvensional	1
19	7-11/11/06	Konsep Pemerintahan dan Pentadbiran Dalam Islam (1) 19.1 Peranan Nabi Muhammad s.a.w 19.2 Peranan Khulafa' al-Rāsyidin 19.3 Khilafah 'Umar al-Khattab / 'Umar 'Abdul 'Aziz r.a	1
20	14-18/11/06	Konsep Pemerintahan dan Pentadbiran dalam Islam (2 & 3) 20.1 Wizārah	1

		20.2 Imārah 20.3 Kesultanan 20.4 Sistem Syura 20.5 Institusi hisbah	
21	21-25/11/06	Peperiksaan Akhir (40 markah)	
22	28-2/12/06	Minggu Pemarkahan dan Dokumentasi	
23	5-5/12/06	Minggu Pemarkahan dan Dokumentasi	

Merujuk kepada sukatan pelajaran semester dua di atas, minggu pertama dimulai dengan pengenalan terhadap sukatan pelajaran, taaruf pelatih, penyerahan dan penerangan berkenaan kerja kursus dan sistem pemarkahan. Pada minggu ke-2 hingga 7 pelatih akan diajar mengenai *Epistemologi Islam*, *Aksiologi Islam* serta konsep kekeluargaan dan kemasyarakatan.

Pada minggu ke-8 pelatih akan menjalani ujian pertama yang mana markahnya adalah sebanyak 25%. Pada minggu seterusnya pelatih akan didedahkan dengan konsep kekeluargaan dan kemasyarakatan Islam serta konsep pendidikan dalam Islam. Selepas selesai pembelajaran tajuk tersebut ujian dua akan diadakan pada minggu ke-15 dan markahnya adalah sebanyak 25%.

Pada minggu ke-16 hingga 20 pelatih akan diajar berkenaan konsep ekonomi dalam Islam serta konsep pemerintahan dan pentadbiran dalam Islam. Seterusnya pada minggu ke-21 akan diadakan peperiksaan akhir dan markahnya adalah sebanyak 40%. 10% markah diperuntukkan untuk kerja kursus sebagai mencukupkan markah sebanyak 100%.

1.10.3 Semester Tiga

Minggu	Tarikh	Tajuk Pembelajaran	Jam
1	4-8/7/06	Orientasi Kursus	1

2	11-15/7/06	<p>Konsep Seni</p> <p>2.1 Kesenian Islam</p> <p>2.2 Definisi seni</p> <p>2.3 Pembahagian seni</p> <p>2.4 Seni menurut Islam</p> <p>2.5 Pandangan semesta tawhīdi penentu konsep seni Islam</p> <p>2.6 Prinsip dan fungsi kesenian Islam</p>	1
3	18-22/7/06	<p>Konsep Seni (Bidang-Bidang Kesenian Islam 1)</p> <p>3.1 Kaligrafi</p> <p>3.2 Seni persuratan</p>	1
4	25-29/7/06	<p>Konsep Seni (Bidang-Bidang Kesenian Islam 2)</p> <p>4.1 Senibina dan seni taman (bermula dengan masjid)</p> <p>4.2 Tekstil</p> <p>4.3 Permaidani</p>	1
5	1-5/8/06	<p>Konsep Seni (Bidang-Bidang Kesenian Islam 3)</p> <p>5.1 Seni bunyi dan suara</p> <p>5.2 Seni lakon</p> <p>5.3 Seni tampak</p>	1
6	8-12/8/06	<p>Gejala Dekadensi Moral</p> <p>6.1 Definisi</p> <p>6.2 Etika dan moral sebelum Islam</p> <p>6.3 Nilai akhlak Islam</p> <p>6.4 Ciri-ciri sistem akhlak Islam</p>	1
7	15-19/8/06	<p>Isu Ekonomi dan Pembangunan Alam Sekitar (1)</p> <p>7.1 Definisi ekonomi</p> <p>7.2 Jenis-jenis ekonomi</p>	1
8	22-26/8/06	Ujian 1 (25 markah)	1
9	29-2/9/06	<p>Isu Ekonomi dan Pembangunan Alam Sekitar (2)</p> <p>9.1 Tujuan ekonomi</p> <p>9.2 Pembangunan dan alam sekitar</p>	1

10	5-9/9/06	Isu-Isu Etika dalam Sains dan Teknologi (1) 10.1 Definisi etika dan sains 10.2 Etika sains dalam Islam	1
11	12-16/9/06	Isu-Isu Etika dalam Sains dan Teknologi (2) 11.1 Sifat dan peribadi ahli sains 11.2 Pandangan Islam terhadap sains dan teknologi	1
12	19-23/9/06	Isu Globalisasi dan Pertembungan Peradaban Barat dan Timur 12.1 Konsep globalisasi 12.2 Implikasi dan kesan globalisasi 12.3 Pertembungan peradaban Barat dan Timur	1
13	26-30/9/06	Masyarakat Malaysia dan Cabaran-Cabaran Masa kini 13.1 Konsep Masyarakat Malaysia 13.2 Cabaran-cabaran masa kini 13.3 Pembentukan akhlak ke arah mencapai kecemerlangan negara	1
14	3-7/10/06	Pemerintahan dan Pentadbiran (1) Sistem Parlimen 14.1 Badan Perundangan 14.2 Badan Kehakiman 14.3 Badan eksekutif	1
15	10-14/10/06	Ujian 2 (25 markah)	1
16	17-21/10/06	Pemerintahan dan Pentadbiran (2) Sistem Republik 16.1 Konsep republik 16.2 Perlaksanaan sistem republik (Rom) 16.3 Kesimpulan-Kesan pemerintahan republik	1
17	24-28/10/06	Pemerintahan dan Pentadbiran (3) Sistem Demokrasi 17.1 Konsep demokrasi 17.2 Definisi demokrasi 17.3 Syarat-syarat demokrasi 17.4 Ciri-ciri perlembagaan demokrasi 17.5 Jenis-jenis demokrasi	1

		17.6 Demokrasi dan syura 17.7 Perbezaan demokrasi dan syura 17.8 Demokrasi hari ini	
18	30-4/11/06	Pemerintahan dan Pentadbiran (4) Sistem Autokrasi 18.1 Konsep autokrasi 18.2 Definisi autokrasi 18.3 Ciri-ciri autokrasi 18.4 Ciri-ciri negara autokrasi 18.5 Corak pemerintahan autokrasi 18.6 Negara-negara autokrasi 18.7 Perbezaan antara autokrasi dengan institusi khilafah	1
19	7-11/11/06	Aliran Pemikiran Pascamodenisme 19.1 Definisi 19.2 Ciri-ciri pascamodenisme 19.3 Aliran falsafah pascamodenisme	1
20	14 - 18/11/06	Ekstrimisme Agama 20.1 Definisi 20.2 Ciri-ciri ekstrimisme 20.3 Bentuk-bentuk toleransi	1
21	21 - 25/11/06	Peperiksaan Akhir (40 markah)	
22	28-2/12/06	Minggu Pemarkahan dan Dokumentasi	

Pelajaran semester tiga dimulai dengan pengenalan terhadap sukatan pelajaran, taaruf pelatih, penyediaan dan penyerahan kerja kursus oleh guru serta penerangan berkenaan sistem pemarkahan.

Pada minggu ke-2 hingga 7 pelatih akan diajar berkenaan konsep seni 1,2,3,4, gejala *dekadensi* moral serta isu ekonomi dan pembangunan alam sekitar 1. Pada

minggu ke-8 pelajar akan menjalani ujian pertama yang memperuntukkan markah sebanyak 25%.

Seterusnya pada minggu ke-9 hingga 14 pelatih akan diajar berkenaan isu ekonomi dan pembangunan alam sekitar 2, isu-isu etika dalam sains dan teknologi, isu globalisasi dan pertembungan peradaban barat dan timur, masyarakat Malaysia dan cabaran-cabaran masa kini serta pemerintahan dan pentadbiran 1 (sistem parlimen).

Pelatih akan menjalani ujian dua pada minggu ke-15, kemudian diikuti dengan minggu ke-16 hingga 20 pembelajaran diteruskan dengan tajuk pemerintahan dan pentadbiran 2,3,4 (sistem republik, sistem demokrasi, sistem autokrasi), aliran pemikiran *pascamodenisme* dan *ekstrimisme* agama. Pada minggu ke-21 akan diadakan peperiksaan akhir yang mana markahnya adalah sebanyak 40%. Sebanyak 10% markah diperuntukkan untuk kerja kursus yang diberikan oleh guru untuk menyempurnakan pemarkahan sebanyak 100% (IKM Lumut, Rancangan Mengajar 2006).

1.11 PERUNTUKAN MASA

Secara keseluruhannya masa untuk pengajaran subjek Pendidikan Islam yang diperuntukkan bagi setiap kuliah hanya satu jam seminggu sahaja. Purata pembahagian masa mengajar bagi seorang guru adalah lebih kurang sebanyak 15 jam seminggu merangkumi pelatih semester satu, dua dan tiga bagi kursus yang mempunyai tempoh pengajian selama 18 bulan dan semester empat bagi kursus Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Domestik & Industri) dan Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Penjaga Jentera A1) (IKM Lumut, Buku Panduan Pendidikan Islam 2006).

1.12 TEMPAT BELAJAR

Bagi setiap kursus telah diperuntukkan bilik kuliah untuk pembelajaran subjek Pendidikan Islam sama ada berasingan dengan bengkel (tempat amali untuk subjek teknikal) atau ditempatkan di dalam bengkel itu sendiri.

1.13 BILANGAN PELATIH

Jumlah pelatih di dalam sesebuah bilik kuliah biasanya di antara 14 hingga 16 orang sahaja. Bagi setiap orang guru akan mengajar seramai lebih kurang 200 orang pelatih pada setiap sesi.

1.14 BILANGAN GURU

Terdapat seramai 7 orang guru agama di IKM Lumut yang terdiri daripada 4 orang guru lelaki dan 3 orang guru wanita.

1.15 KELAYAKAN IKTISAS

Guru-guru agama IKM Lumut mempunyai kelulusan akademik daripada pelbagai universiti tempatan seperti Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan juga dari universiti Timur Tengah iaitu Universiti al-Azhar, Mesir. Usia mereka adalah dalam lingkungan 27 tahun hingga 46 tahun. Seramai empat orang guru telah mendapat latihan perguruan secara khusus serta telah menjawat jawatan tetap manakala 3 orang lagi guru masih belum mendapat latihan khusus dalam bidang perguruan dan masih berjawatan kontrak.

1.16 LATIHAN MENGAJAR

Seramai empat orang guru agama telah mendapat latihan mengajar secara khusus (KPLI) daripada Kementerian Pendidikan yang memakan masa selama 2 tahun dan mereka menjalaninya semasa cuti persekolahan. Manakala 3 orang guru lagi belum mendapat latihan khusus dalam bidang perguruan (pedagogi).

1.17 PERLAKSANAAN PENGAJARAN

Pemerhatian telah dijalankan terhadap beberapa orang guru yang melaksanakan pengajaran di bilik kuliah dan mendapati bahawa pengajaran telah dilaksanakan melalui penggunaan tiga peralatan berikut:

- i) Alat bantu mengajar yang asas seperti papan putih, buku panduan dan *marker pen*.
- iii) Alat Bantu mengajar bukan elektronik seperti buku, majalah, keratan akhbar, lukisan, model, bahan-bahan sebenar dan sebagainya.
- ii) Alat Bantu mengajar elektronik seperti radio, televisyen, pita rakaman, *overhead projector*, slaid dan komputer.

1.18 RUMUSAN

IKM Lumut telah ditubuhkan pada 23 Jun 1977, yang terletak di Daerah Seri Manjung, Perak menawarkan program latihan dalam pelbagai bidang kemahiran kepada bumiputera lepasan SPM dan SPM (V) yang berkelayakan. Di antara tujuan latihan kemahiran dilaksanakan di IKM ialah untuk melahirkan bumiputera yang mahir dalam bidang perusahaan, perdagangan di samping mewujudkan bakal-bakal usahawan.

Di samping matapelajaran teknikal dan lain-lain subjek, pelatih-pelatih dikehendaki mengambil subjek Pendidikan Islam sebagai matapelajaran wajib. Ia bertujuan untuk membentuk sikap pelatih-pelatih, keperibadian dan pandangan hidup berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah.

Sehubungan itu setiap tajuk dan isi kandungan yang ada di dalam sukatan pelajaran yang disediakan perlu difahami dan dihayati terlebih dahulu sebelum guru-guru menyampaikannya kepada pelatih. Ini bertujuan untuk melahirkan keyakinan terhadap apa yang diajar dan pelatih-pelatih akan mendapat manfaat dari pengajaran subek Pendidikan Islam.

BAB II

PERMASALAHAN PENGAJARAN SUBJEK PENDIDIKAN ISLAM DI IKM LUMUT

2.1 PENDAHULUAN

Dalam bab yang kedua ini penulis akan membincangkan berkenaan permasalahan yang timbul dalam proses pengajaran subjek Pendidikan Islam. Di antara aspek permasalahan yang dikaji ialah dari aspek dalaman dan luaran. Aspek dalaman berkait dengan keilmuan guru, kemahiran yang perlu dimiliki oleh guru dan sifat-sifat serta personaliti guru tersebut.

Faktor kelemahan sebahagian daripada guru menjadi permasalahan seperti kurang berkemahiran dalam menyampaikan pengajaran, kurang pendedahan tentang penggunaan alat bantu mengajar atau multimedia menjadi punca kepada kurang berkesan kaedah penyampaian yang disampaikan dan sedikit sebanyak menjejaskan proses pengajaran subjek pendidikan Islam.

Permasalahan kedua ialah dari segi luaran yang berkaitan dengan pihak pengurusan Institut Kemahiran MARA Lumut seperti pengambilan pelatih, bilangan guru, prasarana pengajaran seperti bilik-bilik kuliah, alat bantu mengajar dan lain-lain lagi untuk melancarkan proses pengajaran.

Faktor-faktor lain ialah berkait dengan persekitaran bilik kuliah, sukatan pelajaran yang agak tinggi berbanding penerimaan pelatih, kaedah pengajaran guru dan bebanan tugas guru.

2.2 ASPEK PERMASALAHAN

Melalui sesi temubual yang telah dijalankan dengan guru-guru unit Pendidikan Islam IKM Lumut secara umumnya permasalahan yang ingin ditimbulkan di sini terbahagi kepada dua iaitu permasalahan dalaman dan luaran.

2.2.1 Permasalahan Dalaman

2.2.1.1 Keilmuan Guru

Oleh kerana sukatan pelajaran yang disediakan sentiasa mengalami perubahan mengikut kesesuaian masa dan keadaan maka guru-guru juga akan menghadapi permasalahan dari segi kemantapan ilmu yang dimiliki selama ini. Guru-guru perlu menguasai segala ilmu yang akan diajar sama ada sukatan pelajaran semester satu, dua atau tiga kerana mereka ditugaskan mengajar semua semester berkenaan. Setakat ini guru-guru hanya memberikan penekanan pengajaran dari segi konsep asas dan prinsip-prinsip serta tidak dapat melaksanakan secara amali ke atas konsep-konsep tersebut. Ini disebabkan oleh sebahagian guru yang kurang menguasai sesuatu sukatan pelajaran.

2.2.1.2 Kemahiran Guru

Pada umumnya semua guru agama IKM Lumut yang dilantik secara tetap dan kontrak mempunyai kelulusan ijazah dan mempunyai pengetahuan dalam bidang yang berbeza. Guru-guru yang sudah lama mengajar sememangnya telah mendapat latihan mengajar dari kursus-kursus yang diikuti selama ini, manakala guru-guru baru juga amat perlu dihantar segera mendapatkan kursus seumpama itu untuk memahirkan mereka dengan teknik-teknik pengajaran.

Kemahiran untuk menyampaikan pengajaran di bilik kuliah perlu ada pada setiap orang guru. Ia merupakan suatu kreativiti yang tersendiri yang boleh diubahsuai mengikut situasi dan tempat tertentu. Daripada pemerhatian yang dilakukan, terdapat sebahagian guru yang hanya menggunakan teknik lama semasa mengajar walaupun

sebahagian daripada bilik kuliah yang diperuntukkan terdapat peralatan yang khusus seperti *overhead projector* dan alat tayang serta peralatan tersebut boleh digunakan sebagai gantian kepada penggunaan *marker pen* dan *white board*. Dalam ertikata lain kaedah lama iaitu "*Chalk and Talk*" masih digunapakai pada masa kini.

Manakala sebahagian daripada mereka yang berkemahiran mampu dan berupaya menggunakan peralatan yang disediakan dengan menggunakan kreativiti tersendiri hasil daripada pengalaman mengajar selama ini atau teknik mengajar yang telah mereka ikuti sebelum ini.

Berdasarkan kreativiti itu didapati sebahagian daripada guru berkenaan boleh mengawal pelatih di dalam kuliah dengan baik dan memberikan pengajaran yang menarik.

2.2.1.3 Sifat dan Personaliti Guru

Institut Kemahiran MARA Lumut telah melantik guru agama dari lulusan pusat pengajian tinggi tempatan seperti daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaya (UM). Manakala universiti luar negara pula dari Universiti al-Azhar. Oleh kerana itu guru-guru agama yang dilantik untuk memegang jawatan itu memang terdiri daripada mereka yang mempunyai kelayakan yang sewajarnya untuk mendidik pelatih-pelatih IKM Lumut untuk menjadi insan yang berkeperibadian mulia, berketrampilan dan mengamalkan suruhan agama pada setiap masa dan ketika.

Namun demikian terdapat juga segelintir daripada mereka masih mengamalkan sikap yang kurang baik seperti tidak menepati masa semasa datang ke pejabat terutama di waktu petang iaitu selepas waktu rehat tengahari.

Sepertimana sesi temubual yang telah dijalankan dengan Ketua Unit Pendidikan Islam IKM Lumut mendapati bahawa terdapat sebahagian guru agama yang datang lewat daripada masa yang telah ditetapkan tanpa sebarang makluman kepada beliau dan tanpa sebarang keuzuran yang menasabah. Fenomena ini semacam sudah menjadi kebiasaan melibatkan segelintir guru yang tertentu sahaja.

Justeru kelewatan itu menyebabkan kuliah yang ada pada masa itu tidak dapat dijalankan pada waktu yang telah ditetapkan dan menimbulkan situasi yang tidak begitu menyenangkan bagi sesetengah pihak khususnya pelatih yang menunggu untuk mempelajari subjek Pendidikan Islam.

Oleh kerana situasi yang sedemikian, masa satu jam yang telah diperuntukkan untuk menyelesaikan satu sukatan pelajaran telah berkurangan dan mengakibatkan keadaan yang tergesa-gesa untuk guru menamatkan sesi pengajaran. Aktiviti yang telah dirancang di dalam rancangan mengajar guru tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya dan berkemungkinan pelatih tidak dapat berdiskusi dengan guru tentang kandungan pelajaran yang kurang difahami (Mohamad Bin Che Ghani, temu bual pada 17 Februari 2006).

Daripada pemerhatian secara tidak langsung didapati komunikasi antara guru agama masih terdapat jurang atau batu penghalang berkemungkinan disebabkan oleh *title* guru lama dan guru baru atau disebabkan oleh faktor usia dan jantina. Disebabkan oleh permasalahan tersebut maka kadangkala menyebabkan sesuatu kelemahan dalam bidang pengajaran dan aspek-aspek lain tidak dapat dibincangkan bersama dengan sebaik mungkin.

Guru-guru agama yang telah diberi mandat untuk membentuk para pelatih dari segi saksiah seharusnya tidak membincangkan hal-hal yang disifatkan sebagai peribadi semasa di pejabat kerana jelas telah melanggar etika semasa bekerja.

Terdapat juga sebahagian daripada program yang hendak dilaksanakan tidak diselaraskan dengan baik bersama ahli jawatankuasa dan keadaan ini menimbulkan suasana yang tidak begitu baik kerana apabila ia melibatkan peruntukan kewangan maka sesuatu program itu perlu dilaksanakan dengan mengikut prosedur yang betul seperti dilantik jawatankuasa-jawatankuasa tertentu dan membuat pembahagian tugas serta lain-lain lagi (Norazlina Mohd Nasir, temu bual pada 17 Februari 2006).

2.2.2 Permasalahan Luaran

2.2.2.1 Pengambilan Pelatih

Pengambilan pelatih untuk memasuki IKM Lumut dijalankan secara berperingkat-peringkat bertujuan untuk memenuhi kekosongan kuota dan tempat. Mereka terdiri daripada lepasan SPM atau SPM (V) yang mendapat grad 1, 2, atau 3. Pengambilan pelatih yang berperingkat-peringkat itu menjadikan sukar untuk guru mengulang semula pelajaran yang sudah diajar dan menyebabkan pelatih-pelatih menghadapi kesukaran untuk memahami subjek tersebut. Sekiranya pelatih yang diambil itu mempunyai asas agama yang kukuh maka guru-guru tidak begitu sukar untuk menyampaikan pangajaran. Tetapi jika sebaliknya mereka akan berhadapan dengan pelatih yang bermasalah disiplin seperti lewat hadir ke kuliah, ponteng kuliah, hadir ke kuliah tanpa persediaan yang sepatutnya dan sebagainya.

2.2.2.2 Bilangan Pelatih

Bilangan pelatih dalam bilik kuliah yang sebaik-baiknya ialah di antara 14 hingga 16 orang sahaja kerana bersesuaian dengan kapasiti bilik kuliah yang disediakan. Masalah lebihan pelatih dalam sesuatu bilik kuliah akan berlaku jika terdapat guru yang bercuti lama atau mengambil cuti kecemasan. Guru-guru yang ada pada masa itu mestilah mengambil pelatih kuliah tersebut dan digabungkan dengan kuliahnya sendiri menjadikan guru tidak dapat mengajar dengan selesa kerana pelatih yang berlebihan jumlahnya. Masalah ini terjadi sekali sekala sahaja dan jika tidak ditangani akan menjadikan masalah lain yang lebih besar.

2.2.2.3 Bilangan Guru

Bilangan guru yang ada kini seramai 7 orang masih kurang mencukupi jika dibandingkan dengan bilangan guru-guru untuk subjek lain. Pengambilan pelatih untuk menjalani latihan secara dwi-sesi memerlukan guru ditambah dari yang sedia ada dan oleh kerana tugas guru agama semakin bertambah meliputi tugas hakiki dan tugas sampingan.

2.2.2.4 Peruntukan Masa

Peruntukan masa mengajar selama satu jam untuk menyelesaikan satu-satu topik adalah terlalu padat dan guru menghadapi masalah untuk melaksanakan aktiviti yang disediakan dalam rancangan mengajar. Pelatih pula terdiri daripada pelbagai tahap penerimaan, ada yang tinggi, sederhana dan lemah.

2.2.2.5 Prasarana

Daripada pemerhatian yang telah dijalankan di bilik-bilik kuliah didapati banyak keperluan seperti peralatan serta bahan-bahan pengajaran yang perlu ditambah dari semasa ke semasa dan disediakan dengan selaras. Ini memberi makna bahawa setiap bilik kuliah perlu mempunyai peralatan dan bahan yang mencukupi agar keberkesanan pengajaran dapat dicapai sama ada oleh guru maupun pelatih.

Secara umumnya peralatan kekal yang disediakan di bilik kuliah terdiri daripada meja, kerusi, alat penghawa dingin atau kipas angin, meja dan kerusi guru, papan putih dan *marker pen*. Terdapat hanya sebahagian sahaja daripada bilik kuliah yang dibekalkan dengan peralatan tambahan seperti *overhead projector* dan *LCD* serta lain-lain bahan multimedia untuk pengajaran.

Bilik kuliah yang disediakan dengan peralatan dan bahan pengajaran yang lengkap hanya terdapat di bilik teater yang mana guru-guru perlu membuat tempahan terlebih dahulu pada permulaan sesi. Persaingan hebat berlaku antara guru-guru untuk mendapatkannya disebabkan pertindihan jadual waktu yang akan berlaku jika tidak diselaraskan dengan sempurna. Tetapi buat masa ini bilik itu hanya dibenarkan untuk kegunaan pelajar yang ramai atau jumlah minimanya mencecah 30 orang.

Manakala bagi persediaan guru sebelum masuk mengajar, didapati mereka telah dibekalkan dengan buku panduan mengajar untuk setiap semester, kertas-kertas untuk menyediakan nota tambahan atau untuk mengadakan ujian di akhir pengajaran, *marker pen* dan sebagainya.

Kemudahan komputer yang ada kini sebanyak 2 buah berbanding dengan guru seramai 7 orang tidak mencukupi untuk membolehkan guru-guru agama menyediakan rancangan mengajar dan lain-lain tugas mengajar dengan baik.

2.2.2.6 Persekitaran

Suasana bilik kuliah yang berhampiran dengan bengkel adakalanya menimbulkan gangguan kebisingan daripada peralatan yang digunakan semasa pengajaran subjek teknikal. Bilik kuliah yang berada di bengkel-bengkel yang jauh di bahagian belakang IKM memerlukan masa antara 5 hingga 10 minit untuk sampai ke tempat itu dan peruntukan masa sebenar yang telah diberikan sudah berkurangan serta tenaga yang digunakan untuk menuju ke tempat itu adakalanya mempengaruhi penyampaian guru.

Terdapat sebahagian bilik kuliah yang tidak mempunyai suasana yang memberansangkan seperti terlalu luas dan adakalanya terlalu sempit. Bilik kuliah yang terlalu luas tanpa pembesar suara akan menyebabkan guru terpaksa menggunakan kelantangan suara yang melebihi dari yang sepatutnya. Oleh kerana itu tenaga guru banyak diperuntukkan untuk tujuan itu yang mana akan mengakibatkan pengajaran guru untuk waktu yang lain kurang berkesan. Manakala bilik kuliah yang terlalu sempit serta terlalu padat serta rapat menyebabkan pelatih merasa kurang selesa dan menimbulkan kebosanan semasa belajar.

2.2.2.7 Sukatan Pelajaran

Sukatan pelajaran yang disediakan Bahagian Latihan Kemahiran MARA bagi subjek pendidikan Islam di IKM Lumut agak berat dan tinggi berbanding dengan tahap akademik pelatih-pelatih. Tajuk-tajuk serta istilah-istilah tertentu yang digunakan bagi sesuatu topik memerlukan guru menghuraikan dengan secara terperinci supaya pelajar dapat memahami dengan baik. Berdasarkan temubual yang dijalankan dengan mereka yang terlibat, setakat ini mereka hanya mampu melaksanakan pengajaran secara teori sahaja walaupun terdapat sebahagian daripada tajuk-tajuk tersebut yang boleh diamalkan jika guru mempunyai kepakaran serta peruntukan masa yang lebih panjang (IKM Lumut, Sukatan Pelajaran Semester 1, 2 & 3: 2006).

2.2.2.8 Kaedah Pengajaran

Proses pengajaran dan pembelajaran yang telah dilaksanakan kadangkala berlaku secara sehalu iaitu dengan guru memberi penerangan dan pelajar mendengar dan adakalanya secara dua hala iaitu melibatkan penerangan guru dan aktiviti pelatih. Selama sejam mengajar guru-guru perlu menghabiskan satu sukatan pelajaran mengikut persediaan mengajar yang telah dibuat pada awal-awal lagi mengikut langkah-langkah yang telah ditetapkan di dalam rancangan mengajar mingguan yang diselaraskan oleh Ketua Unit Pendidikan Islam IKM Lumut.

Bagi guru yang mempunyai kreativiti yang tinggi serta berinovasi sering melibatkan pelatih semasa sesi pengajaran dan terdapat hubungan langsung dengan pelatih, justeru itu setiap pelatih akan merasakan kehadiran mereka di dalam bilik kuliah cukup bermakna dan dihargai oleh guru berkenaan.

Kadangkala guru terpaksa berhadapan dengan karenah pelatih yang kurang berminat terhadap pembelajaran di bilik kuliah melalui sikap yang ditunjukkan seperti tidak membawa buku panduan, alat tulis, tidur, bercakap sesama sendiri, tidak membuat catatan apabila diminta oleh guru untuk berbuat demikian, berpakaian tidak kemas, tiada penampilan diri yang sempurna seperti berambut kusut masai, berkuku panjang atau mengenakan baju kuliah yang berbau kurang enak dan sebagainya.

2.2.2.9 Tugas Guru

Apabila seseorang individu berminat untuk menceburkan diri dalam profesion perguruan maka seharusnya ia sudah membuat persediaan dari aspek fizikal dan mental untuk menghadapi tugas yang mencabar itu. Di samping tugas mengajar, guru agama berhadapan dengan jawatan sampingan yang lain seperti menjadi penasihat atau penyelaras ko-kurikulum, penolong penasihat Badan Perwakilan Pelatih, Ketua Unit Pendidikan Islam, Pegawai Sebut Harga IKM Lumut, ahli jawatankuasa Badan Kebajikan Kakitangan, setiausaha mesyuarat dan lain-lain lagi.

Peruntukan waktu mengajar antara 10 hingga 11 jam seminggu tidak terlalu lama bagi seorang guru berbanding dengan jadual waktu mengajar di sekolah biasa. Adakalanya tugas sampingan yang dipertanggungjawabkan menyebabkan guru sedikit sebanyak merasa terbeban selagimana ia tidak diselesaikan mengikut masa yang telah diperuntukkan.

Oleh kerana itu terdapat sebahagian guru yang terpaksa meninggalkan tugas mengajar untuk melaksanakan tugas sampingan yang kadang-kadang memakan masa yang agak panjang. Guru lain dikehendaki menggantikan jadual waktu mengajar guru berkenaan dan adakalanya menimbulkan kecelaruan dari segi penerimaan pelatih terhadap guru itu disebabkan oleh teknik pengajaran yang berlainan.

2.3 KESIMPULAN

Permasalahan yang dihadapi guru-guru agama IKM Lumut boleh dibahagikan kepada dua iaitu masalah dalaman dan luaran. Masalah dalaman berkaitan dengan keilmuan guru, kemahiran guru dan sifat serta personaliti guru.

Manakala masalah luaran pula adalah berhubung dengan pihak pengurusan IKM Lumut seperti pengambilan pelatih secara berperingkat-peringkat, kuota pelatih berbanding bilangan guru, peruntukan masa mengajar, prasarana yang disediakan seperti Alat Bantu Mengajar, bilik kuliah dan kemudahan komputer yang berkurangan.

Elemen yang tidak kurang penting juga yang menyumbang kepada permasalahan guru agama ialah persekitaran yang tidak sesuai seperti kebisingan semasa sesi pengajaran dijalankan, kaedah pengajaran yang digunakan guru perlu dipelbagaikan dan juga tugas guru yang semakin bertambah.

BAB III

CADANGAN PROSES PENGAJARAN SERTA PENYELESAIAN MASALAH

3.1 PENDAHULUAN

Proses pengajaran dan pembelajaran amat perlu diberi perhatian oleh setiap orang guru kerana jika ia tidak dapat dilaksanakan dengan baik maka akan menimbulkan permasalahan lain yang kadangkala sukar untuk diselesaikan serta akan berpanjangan.

Hasil daripada permasalahan yang dikenalpasti pada bab dua, akan dikemukakan beberapa pandangan dan cadangan dalam penambahbaikan proses pengajaran.

Cadangan tersebut meliputi keilmuan guru untuk menyampaikan sesuatu topik, kemahiran yang dimiliki oleh guru dalam menyampaikan pengajaran serta berkaitan sifat dan personaliti guru agama semasa berhadapan dengan tugas-tugas dan sebagainya.

Seterusnya cadangan-cadangan juga akan diberikan berkenaan pengambilan pelatih, bilangan pelatih, bilangan guru, peruntukan masa mengajar, prasarana, persekitaran bilik kuliah, sukatan pelajaran, kaedah pengajaran dan tugas guru.

3.2 CADANGAN-CADANGAN

Permasalahan yang dihadapi oleh Guru-Guru Agama IKM Lumut akan dapat diatasi sekiranya beberapa perancangan dan strategi yang berkesan dikenalpasti. Sehubungan itu beberapa cadangan ke arah penyelesaian masalah serta penambahbaikan proses pengajaran dan pembelajaran subjek Pendidikan Islam di IKM Lumut dapat dikemukakan sepertimana berikut:

3.2.1 Keilmuan Guru

Pembelajaran sepanjang hayat merupakan satu amalan penting khususnya golongan guru. Profesion perguruan tidak mungkin dimartabatkan sekiranya guru tidak menjadikan budaya membaca dan belajar sebagai suatu amalan yang penting.

Guru-guru agama yang masih belum menjalani latihan atau teknik mengajar perlu segera dihantar berkursus untuk memantapkan lagi bidang atau profesion perguruan yang mereka sandang. Beberapa faedah yang boleh didapati melalui kursus ini seperti memberikan pengetahuan yang lebih meluas terhadap teori dan amali dalam menyampaikan pengajaran, memberikan keyakinan kepada guru untuk menyampaikan ilmu kepada pelatih-pelatih, dapat mengaplikasikan segala pengetahuan berkaitan keagamaan dengan mengikut kaedah yang betul.

Selain itu guru-guru perlu juga dihantar menghadiri latihan dalam perkhidmatan melalui bengkel, seminar, persidangan, perbincangan dan dialog untuk memberikan mereka pengetahuan yang berguna. Persidangan yang dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu seperti universiti, organisasi pendidikan dan persatuan professional yang relevan kepada perkembangan guru boleh diikuti oleh guru-guru (Abd Rahim Abd. Rashid, 2005: 118-119).

Kursus-kursus lain yang berkaitan dengan tugas-tugas pengurusan seperti aplikasi komputer dan teknologi maklumat, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif perlu diadakan juga untuk guru-guru supaya mereka tidak merasa kekok untuk berhadapan dengan tugas pejabat seperti pengurusan bilik guru, sistem pemfailan,

rekod merekod, dan lain-lain lagi kerana walaupun kurang mempunyai perkaitan dengan tugas keguruan namun memberikan pengalaman yang berguna untuk melaksanakan tugas itu pada masa-masa yang diperlukan.

Kursus-kursus lain untuk pemantapan sahsiah guru perlu diikuti dari semasa ke semasa kerana banyak membantu dalam usaha untuk menjadi guru yang cemerlang dalam bidang pengajaran. Pengajaran yang berkualiti adalah di antara faktor yang menentukan peningkatan pencapaian pelatih. Di antara langkah yang perlu untuk melahirkan guru yang berkualiti ialah dengan meninggikan latar belakang akademik guru dan meningkatkan kemahiran pedagogi mereka.

Guru-guru sendiri perlu mencari dan merebut peluang untuk memajukan diri sendiri dan tidak hanya menanti tanpa berusaha kerana rezeki tidak akan datang bergolek. Sikap berpada dengan apa yang ada perlu dikikis dari pendirian seorang guru kerana nasib guru agama tidak akan berubah jika mereka tidak sama-sama berusaha untuk menyuarakan pendapat demi kepentingan kerjaya mereka.

3.2.2 Kemahiran Guru

Guru-guru agama yang masih belum didedahkan dengan penggunaan dan pengendalian ABM sewajarnya dihantar menghadiri kursus secara jangka pendek atau jangka panjang yang dianjurkan oleh pihak dalaman atau luaran.

Pada keseluruhannya penggunaan ABM dikalangan Guru Agama IKM Lumut sangat perlu dipertingkatkan dan diperluaskan terhadap guru-guru yang baru dilantik untuk menjadikan pembelajaran subjek Pendidikan Islam di IKM Lumut lebih menarik dan meninggalkan kesan yang mendalam serta memberi kefahaman yang lebih kepada para pelatih.

Tujuan ini akan dapat dicapai dengan segera jika guru-guru tersebut mengambil inisiatif dan memainkan peranan yang lebih berkesan untuk membolehkan alat itu dapat digunakan melalui perbincangan dengan pihak-pihak yang tertentu. Antara cadangan yang perlu dipertimbangkan di sini ialah:

- i) Guru-Guru Agama hendaklah mempelajari sendiri tentang penggunaan bahan tersebut daripada guru-guru yang berpengalaman atau dari pihak yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut.
- ii) Guru-Guru Agama hendaklah memiliki daya kreativiti sendiri untuk menyesuaikan penggunaan bahan-bahan dengan minat, kebolehan dan kecenderungan pelatih-pelatih IKM Lumut supaya penyampaian pengajaran menjadi lebih menarik dan tidak menjemukan.
- iii) Perlu ada kerjasama antara guru-guru supaya ABM yang telah dibuat dikumpulkan di suatu ruang yang bersesuaian untuk membolehkan ianya digunakan bersama atau secara bergilir-gilir untuk menjimatkan kos dan tenaga kerja.
- iv) Mengadakan pertandingan menghasilkan bahan-bahan pengajaran berasaskan ABM.

3.2.3 Sifat dan Personaliti Guru

Untuk mendapatkan keberkesanan dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan pendidikan, guru atau pendidik perlu memiliki sifat-sifat keperibadian yang unggul serta ketokohan dan perwatakan yang sempurna. Antara sifat dan personaliti yang perlu dimiliki ialah:

- i) Berilmu pengetahuan dalam bidang yang ingin diajar secara mendalam supaya mencapai tahap yang meyakinkan pada diri guru tersebut dan juga para pelajar. Di samping itu mereka perlu bijaksana menghadapi karenah pelatih yang bermacam-macam dengan menggunakan pendekatan dan strategi yang berbeza. Guru perlu menggunakan bahasa dan tutur kata yang baik supaya sesuatu mesej yang hendak disampaikan akan dapat diterima dengan baik.

- ii) Mempunyai ketokohan dan berkeperibadian guru. Guru dinilai dari segi kewibawaannya dengan mengamal dan berpegang teguh dengan ilmu yang dimiliki. Amal ibadat yang dilakukan hendaklah mantap, bersifat warak dan bertakwa kepada Allah S.W.T. Cetusan daripada situasi itu akan lahirlah perasaan ikhlas, jujur, amanah dan rasa tanggungjawab dalam menyampaikan ajaran Islam.

Berpunca daripada itu peribadi guru akan dimuliakan dan digeruni, kata-kata akan dipatuhi tanpa dipertikaikan serta hukum yang dikeluarkan akan menjadi pegangan tanpa diperselisihkan. Sudah tentulah amat sukar bagi guru yang hendak dijadikan ikutan oleh orang lain seandainya ia bertindak berlawanan dengan kata-katanya. Bukan sahaja ketokohan dan peribadinya dipandang rendah bahkan gagal dalam kerjayanya sebagai seorang guru. Allah telah menegaskan di dalam al-Qur'an:

♦ أَتَأْمُرُونَ النَّاسَ بِالْبِرِّ وَتَنْسَوْنَ أَنفُسَكُمْ وَأَنْتُمْ تَتْلُونَ الْكِتَابَ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٤٤﴾

(al-Quran, al-Baqarah 2: 44)

Maksudnya:

Mengapa kamu menyuruh orang lain membuat kebajikan sedangkan kamu melupakan diri kamu sendiri padahal kamu membaca Kitab (al-Quran)? Maka tidakkah kamu berfikir?

- iii) Menyampaikan ilmu kerana Allah S.W.T. untuk mendapatkan keredhaan-Nya. Ia merupakan suatu jihad yang paling tinggi pada pandangan Islam. Ilmuan Islam pada zaman silam menentang sistem upah atau penggajian kerana sifat zuhud dan kesederhanaan. Namun begitu terdapat golongan yang berpendapat bahawa menerima upah sekadar keperluan adalah harus.
- iv) Kebijaksanaan dan kematangan. Guru perlu mengenal pelajar sama ada dari segi keperibadian, latar belakang keluarga dan asal usul mereka. Keperibadian pelajar merangkumi sifat-sifat fizikal dan mental,

perasaan, kecerdasan dan cita-citanya. Maklumat tentang mereka boleh diperolehi melalui temubual dan soal selidik atau boleh juga mendampingi mereka secara lebih dekat dan lebih mesra mengikut batas-batas yang ditentukan. Justeru itu guru dapat mengenal pasti pelajar yang cerdas dengan yang lemah. Hadis diriwayatkan daripada Aisyah Rasulullah s.a.w. bersabda:

انزلوا النلس منازلهم

(Sohih Muslim, Kitab al-Adab, Bab fi tanzil al-Nās manāzilahum, nombor 4842)

Maksudnya:

Lakukan olehmu kepada manusia menurut kemampuan mereka.

- v) Bersifat kasih sayang. Menerusi sifat tersebut ia akan berusaha sepenuh tenaga untuk mencapai kecemerlangan dalam pendidikan tanpa mempersoalkan ganjaran atau upah. Hasil yang diperolehi daripada tugas mendidik itu ialah kepuasan kerana dapat melahirkan pelajar yang cemerlang di dunia dan akhirat (Abdullah Ishak, 1995: 83-88).

Menerusi semangat berkhidmat yang tinggi dalam bidang pendidikan akan membolehkan guru merasa seronok. Ia bukan boleh diukur melalui wang ringgit atau ganjaran berupa material atau pujian tetapi kerana dorongan untuk menjadi guru yang disukai dan dihormati oleh para pelajar.

Guru-guru agama perlu membebaskan diri mereka daripada sebarang gangguan dan kerunsingan serta belenggu kebendaan yang menjadikan mereka tidak ceria dan tidak puas mengejar matlamat kebendaan.

Inilah di antara sifat-sifat yang perlu dihayati oleh guru agama supaya apa yang disampaikan dapat diterima dan diberkati oleh Allah S.W.T. Manakala sifat-sifat yang perlu dihindari oleh seorang guru agama ialah:

- i) Merasa bosan dengan tugas mengajar dan tugas-tugas yang lain. Bosan ini akan melahirkan sikap negatif seperti malas, tidak dapat menghayati tugas pengajaran dengan baik, kurang semangat dan dedikasi.
- ii) Ponteng kerja dan sengaja lewat-lewatkan kerja. Prestesi guru itu akan terjejas dan akan meyusahkan dan mendatangkan masalah kepada pihak lain kerana sikapnya yang tidak komited terhadap tugas.
- iii) Sentiasa merungut serta tidak berpuas hati kerana gaji yang rendah, bebanan kerja, tiada jadual guru ganti, tugas tambahan, keletihan, kepenatan dan sebagainya.
- iv) Protes sama ada secara senyap, terus terang, menentang, tidak mempedulikan arahan dan sebagainya.
- v) Hilang kepercayaan terhadap profesion perguruan dengan menganggap ia tidak menyediakan prospek yang baik kepada mereka.
- vi) Tekanan yang dihadapi kerana masalah peribadi, krisis rumahtangga, masalah kewangan dan masalah kehidupan yang lain. Oleh kerana itu guru-guru juga memerlukan bantuan dan sokongan bagi mengurangkan tekanan yang dihadapi.
- vii) Prestasi merosot boleh dikesan melalui pemantauan yang dilakukan oleh pengetua atau ketua unit. Melaluinya guru-guru akan dapat mengadakan perbincangan atau kaunseling dengan guru-guru yang lain (Abd Rahim Abd Rashid, 2005: 143-146).

3.2.4 Pengambilan Pelatih

Pengambilan pelatih yang berlarutan dari awal semester sebanyak beberapa kali menyebabkan proses pembelajaran tidak berjalan lancar dan terdapat pelatih yang keciciran dalam subjek Pendidikan Islam dan subjek-subjek yang lain. Fenomena ini

perlu ditangani oleh pihak-pihak yang berkenaan kerana masalah pelatih seperti ponteng kuliah, datang lewat ke kuliah, tidak mengambil berat terhadap tugas yang diberikan oleh guru, tidak menghormati guru dan lain-lain lagi kebanyakannya berlaku kepada pelatih yang keciciran dan lemah dalam bidang pelajaran.

Walaupun ada segelintir daripada mereka menunjukkan kesungguhan terhadap pelajaran namun permasalahan di atas perlu diambil kira dan dinilai semula untuk meletakkan IKM Lumut sebagai sebuah pusat pengajian yang mampu mengeluarkan pelatih-pelatih yang mempunyai potensi yang tinggi apabila keluar ke alam pekerjaan nanti.

3.2.5 Bilangan Pelatih

Bilangan pelatih di dalam bilik kuliah dikira sesuai kerana tidak melebihi dari 20 orang serta tidak menimbulkan permasalahan kepada guru untuk menanganinya. Guru akan menghadapi permasalahan jika dua kelas digabungkan pada satu-satu masa kerana guru yang sedia ada bercuti sakit, cuti tahun atau cuti kecemasan. Justeru itu disarankan kepada guru yang ingin mengambil cuti perlu menjadualkannya dengan teratur supaya tidak menimbulkan permasalahan kepada pihak lain.

Kuliah yang mana guru sedang bercuti pada masa itu perlu diganti secara sukarela atau bergilir-gilir dengan guru yang tidak bercuti supaya tidak berlaku keciciran pelatih dalam pembelajaran pada minggu itu. Begitu juga pelatih tidak akan menghadapi permasalahan lain seperti keluar dari kawasan IKM tanpa kebenaran Ketua Kursus, melepak di tempat-tempat yang tidak sesuai, tidur di asrama atau lebih dibimbangi lagi melakukan perkara-perkara yang menyalahi undang-undang IKM seperti mencuri, menghisap rokok di dalam tandas atau melakukan kerja-kerja yang tidak bermoral.

3.2.6 Bilangan Guru

Untuk mengatasi kekurangan guru berbanding tugas hakiki dan sampingan yang semakin bertambah kerana pengambilan pelatih secara dwi-sesi maka guru-guru perlu

empertingkatkan kerjasama di antara satu sama lain untuk memajukan Unit Pendidikan Islam IKM Lumut melalui aktiviti-aktiviti keagamaan yang memberi manfaat kepada pelatih-pelatih serta kepada kakitangan lain yang memerlukan.

Kesediaan guru agama untuk mencurahkan perkhidmatan yang melebihi daripada tugas hakiki akan meletakkan mereka pada tempat yang mulia dan dipandang tinggi oleh rakan sekerja yang lain. Tugas-tugas itu hendaklah dijalankan dengan hati dan jiwa yang ikhlas tanpa mengharapkan ganjaran segera daripada manusia dan bukannya untuk menunjuk-nunjuk.

3.2.7 Peruntukan Masa

Masa yang telah diperuntukkan selama satu jam seminggu bagi setiap kursus dikira kurang mencukupi untuk guru-guru menghabiskan penerangan terhadap sesuatu topik yang agak berat. Justeru itu guru perlu memanfaatkan masa yang telah diberikan itu dengan semaksima mungkin untuk mendapatkan impak yang positif dengan menepati masa mengajar yang telah diperuntukkan dengan sebaiknya. Cuma kadangkala terdapat hari yang mana terdapat cuti sempena perayaan ataupun cuti-cuti am yang lain menyebabkan masa itu telah berkurangan serta perlu ditambah atau diganti oleh guru itu sendiri pada masa-masa lain yang bersesuaian.

Guru-guru perlu berusaha untuk mendapatkan gantian masa mengajar melalui perbincangan dengan guru teknikal atau guru lain supaya peruntukan masa itu bersesuaian dengan waktu yang diperlukan. Jika tidak diusahakan maka peruntukan jam mengajar sudah berkurangan dan menyebabkan pelatih tidak dapat memahami subjek yang ketinggalan itu.

3.2.8 Prasarana

i) Bilik Kuliah

Bilik kuliah yang diperuntukkan untuk pengajaran subjek pendidikan Islam kurang mencukupi. Bilik kuliah yang selesa dengan peralatan dan bahan yang mencukupi

perlu disediakan untuk membolehkan pelatih-pelatih menghadapi pelajaran dengan selesa. Bilik kuliah yang tidak selesa serta kotor dan berbau tidak enak menyebabkan pembelajaran di dalamnya tidak berkesan serta menghadapi banyak permasalahan lain seperti mengantuk dan sebagainya.

Pihak yang terlibat dengan mesyuarat pengurusan di IKM Lumut perlu menenengahkan perkara ini dan perlu turun padang untuk melihat keperluan yang sepatutnya disediakan dari semasa ke semasa seperti dari sudut kesesuaian bilik kuliah teori diadakan di dalam bengkel, kerusi meja pelatih mencukupi atau sebaliknya. Jumlah pelatih perlu dibandingkan dengan jumlah peralatan yang ada supaya tidak berlaku kekurangan terhadap prasarana yang sepatutnya disediakan.

ii) Alat Bantu Mengajar

Peruntukan ABM hendaklah sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa selaras dengan jumlah pelatih yang semakin bertambah. Guru-guru hendaklah membuat perancangan rapi dan menentukan bahan-bahan yang diperlukan untuk pengajaran bagi setiap semester sebelum sesi pengajaran bermula. Bahan pengajaran yang perlu ditambah berbentuk elektronik seperti radio, televisyen, pita rakaman, overhead projektor, LCD dan komputer

Alat Bantu Mengajar yang sedia ada boleh diperbaiki atau dicantikan lagi menggunakan kreativiti tersendiri. Alat Bantu Mengajar di samping boleh memudahkan proses guru mengajar juga boleh menjimatkan masa untuk guru menulis di *white board*.

iii) Kemudahan Komputer

Kemudahan komputer di bilik guru agama perlu ditambah lagi berbanding dengan yang ada sekarang sebanyak 2 buah sahaja kerana tugas-tugas perkeranian seperti menaip nota, menyediakan power point, surat menyurat dan lain-lain lagi kini telah dilakukan oleh guru-guru sendiri. Secara tidak langsung tugas di pejabat pentadbiran

sudah berkurangan dan dari situ peruntukan komputer perlulah diagihkan dengan sewajarnya.

3.2.9 Persekitaran

Persekitaran yang kondusif membantu proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan dengan berkesan. Masalah bilik kuliah yang disediakan di dalam bengkel-bengkel latihan akan dapat diatasi jika bangunan integrasi yang sedang dalam pembinaan kini mampu menempatkan bilik-bilik kuliah yang mencukupi serta selesa untuk tujuan tersebut.

3.2.10 Sukatan Pelajaran

Adalah disarankan bahawa guru-guru yang menghadapi masalah untuk menyelesaikan sesuatu sukatan yang agak berat dan sukar untuk dihabiskan dalam masa sejam di dalam bilik kuliah untuk mengadakan kelas tambahan dan intensif seperti di waktu malam atau pada masa yang difikirkan sesuai oleh kedua belah pihak sama ada guru ataupun pelatih.

Tujuan diadakan ialah untuk menambahkan lagi kefahaman pelatih serta memberi peluang untuk pelatih mendalami secara terperinci terhadap isi kandungan subjek yang berkenaan.

Misalnya bagi pelatih semester pertama mungkin guru-guru agama boleh mengadakan kursus sehari berkenaan dengan asas-asas ilmu feqah atau kursus pemantapan iman kerana tidak semua pelatih yang memahami berkaitan dengan konsep-konsep yang berkaitan dengan disiplin ilmu tersebut. Kursus lain yang difikirkan perlu dan wajar dijalankan secara berkumpulan dan diletakkan di bawah seliaan seorang pemudahcara yang akan menunjuk cara melakukan ibadah itu dengan kaedah yang betul.

Bagi pelatih semester dua mungkin kursus yang berkaitan dengan keusahawanan Islam perlu diberikan kerana memberi laluan kepada subjek yang diajar

di dalam bilik kuliah akan dapat difahami dengan lebih mendalam. Di samping itu akan membuka minda mereka untuk menjadi usahawan yang mengamalkan muamalah dan cara hidup berdasarkan ajaran Islam yang suci.

3.2.11 Kaedah Pengajaran

Penggunaan kaedah pengajaran yang terancang dan sesuai dengan kehendak kurikulum sangat penting untuk mencorakkan sesuatu pembelajaran. Pemilihan isi kandungan, pengetahuan, kemahiran dan aktiviti pembelajaran boleh dirancang dan dirangka dengan berkesan menggunakan bahan-bahan yang relevan.

Penggunaan buku panduan berdasarkan spesifikasi sukatan pelajaran akan memudahkan pengajaran dilakukan. Untuk mengatasi ketidakselarasan nota kuliah maka pihak yang dipertanggungjawabkan untuk menggubal sukatan pelajaran subjek pendidikan Islam perlu berusaha sedaya upaya untuk menyediakan sukatan pelajaran yang mantap dan mampu bertahan untuk jangka masa yang lama.

Nota kuliah perlu dimiliki oleh setiap pelatih dan sentiasa dibawa ke dalam bilik kuliah apabila tiba waktu subjek itu diajar. Guru-guru perlu memastikan bahawa pelatih-pelatih mereka tidak mengambil sikap sambil lewa dalam hal ini kerana jika dibiarkan berterusan akan menjadikan mereka tidak mengambil berat tentang sebahagian daripada tugas mereka sebagai pelatih.

Ia amat penting kerana pelatih-pelatih akan mendapat pendedahan awal terhadap subjek yang akan diajar serta tidak terlalu membebankan guru untuk memberikan semua penerangan. Malah pelatih boleh mengulangkajinya terlebih dahulu sebelum mengikuti kuliah yang sebenar. Oleh kerana itu pelatih akan cepat memahami isi kandungan subjek berkenaan serta tidak banyak menimbulkan permasalahan semasa sesi pengajaran.

Walau bagaimanapun, guru yang profesional dan cemerlang tidak akan terlalu terikat pada penggunaan buku panduan semata-mata (Abd Rahim Abd Rashid, 2005: 130).

Oleh kerana tahap penerimaan pelatih berbeza-beza maka disarankan kaedah pengajaran yang sesuai digunapakai dalam pengajaran subjek Pendidikan Islam di IKM adalah sepertimana berikut:

a) **Perbincangan dan Sumbangsaan**

Perbincangan dan sumbangsaan ialah kaedah dan strategi yang melibatkan aktiviti perbualan di antara guru dengan pelajar di dalam kelas. Melalui kaedah ini guru dan pelajar bertukar-tukar fikiran mengenai tajuk yang terkandung dalam sukatan pelajaran.

Guru hanya menjadi penyelia di dalam sesi perbincangan yang dijalankan. Pelajar memainkan peranan aktif mengenai tajuk. Pelajar akan mencatatkan idea-idea yang dibentangkan dan pada peringkat akhir rumusan dibuat oleh pelajar dengan bimbingan daripada guru. Perbincangan diadakan di dalam kelas. Beberapa manfaat daripada perbincangan ini ialah:

- i) Menggalakkan perkembangan mental pelajar di mana pelajar dapat memberikan idea mengenai tajuk secara meluas, sistematik dan tepat.
- ii) Pelajar dapat melatih diri berfikir dengan teliti, berbual dan mengemukakan soalan dan pandangan mereka mengenai tajuk dengan jelas.
- iii) Pelajar dapat menggunakan kemahiran lisan untuk berinteraksi dan berkomunikasi secara berkesan di antara satu sama lain di samping memupuk semangat kerjasama serta mewujudkan interaksi sosial yang positif. Kemahiran lisan dapat diperkukuhkan melalui kaedah ini.
- iv) Pelajar dapat memperdalamkan lagi kefahaman terhadap isi kandungan pelajaran dan menambahkan kemampuan untuk menghuraikannya.

Kaedah dialog, soal jawab dan perbincangan juga telah digunakan oleh para ulama silam seperti Abu Hasan al-Basri, Wasil bin 'ata', Imam Abu Hanifah dan Iman Malik (Abdullah Ishak, 1995: 75).

b) Motivasi

Perkataan motivasi dalam bahasa Inggeris ialah *motivation* yang berasal daripada perkataan latin, iaitu *movere*, yang membawa maksud penggerakan. Secara umumnya ia membawa erti sebagai sesuatu yang menggerakkan seseorang untuk melakukan sesuatu aktiviti yang diharapkan.

Pelajar-pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi akan berusaha untuk mencapai apa yang diinginkan seperti mendapatkan kecemerlangan dalam pelajaran. Manakala pelajar yang kurang bermotivasi perlu digerakkan melalui dua jenis motivasi iaitu:

- i) Ekstrinsik, wujud melalui rangsangan luaran melalui bentuk pujian, insentif, hadiah, gred dan membentuk suasana serta iklim persekitaran yang kondusif untuk mendorong minat belajar.
- ii) Intrinsik, wujud secara semulajadi melalui ransangan dalaman. Pelajar seperti ini mempunyai minat dan dorongan tanpa berharap atau meminta ganjaran. Ia terbentuk hasil pembelajaran dan pengalaman (Mok Soon Sang, 2002: 3-5).

Pendekatan Rasulullah s.a.w dalam memberikan pengajaran dan pendidikan boleh dijadikan panduan. Baginda mengajar menurut situasi dan taraf kefahaman serta kecerdasan masing-masing dengan mengambil kira faktor usia, jantina, latar belakang masyarakat dan peringkat akal. Amalan Rasulullah s.a.w telah dicontohi oleh para sahabat, tabiin dan kaum muslimin kemudiannya (Abdullah Ishak, 1995: 29).

Justeru itu, guru agama IKM Lumut perlu mengenalpasti kaedah-kaedah pengajaran yang bersesuaian untuk membolehkan pengajaran mereka diterima dengan baik dan tidak menyukarkan serta menyusahkan pelatih-pelatih untuk menerimanya.

3.2.12 Tugas Guru

Guru-guru yang diberikan tugas selain dari bidang mengajar perlu menyeimbangkan antara dua kepentingan dan melaksanakan mengikut susunan kepentingan (*awlawiyyat*) yang mana satu berbentuk hakiki iaitu bersifat wajib dan satu lagi berbentuk sampingan.

Apabila guru-guru memahami kehendak tugas dan kepentingan yang perlu diutamakan maka mereka tidak akan tersasar dan salah mengerti berkenaan tugas yang sewajarnya mereka dahulukan seperti di antara mengajar dengan tugas-tugas persatuan. Tugas mengajar adalah lebih perlu diutamakan kerana tugas dalam persatuan seperti jawatan pengerusi, setiausaha atau bendahari dan lain-lain lagi adalah sebagai memantapkan lagi tugas asal mereka.

3.3 RUMUSAN

Segala permasalahan yang dihadapi oleh guru agama seperti pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran perlu ditangani dengan bijaksana melalui pendekatan berhikmah serta mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak yang terlibat supaya segala peralatan dan bahan yang diperlukan dapat disediakan dengan sempurna dan tidak menimbulkan salah faham terhadap pihak pengurusan institut.

Guru-guru juga perlu menambahkan ilmu pengetahuan dalam bidang yang diceburi dan mengambil kaedah serta teknik terkini yang didapati berkesan dalam menyampaikan pengajaran di bilik kuliah serta tidak jemu untuk berdiskusi bersama rakan sejawat untuk menyelesaikan sebarang permasalahan.

Selain daripada itu Guru-Guru Agama IKM Lumut yang tidak mempunyai kemahiran dalam pengendalian alat bantu mengajar sewajarnya dihantar menghadiri kursus khas seperti Kursus Dalam Perkhidmatan, Kursus Dalam Cuti dan sebagainya.

Guru-guru yang baru dilantik perlu menjalani latihan atau teknik mengajar sama ada di bawah anjuran MARA atau lain-lain badan atau organisasi yang mana bertujuan untuk memberi pendedahan awal terhadap bidang perguruan yang penuh dengan cabaran dan dugaan dari sudut mental dan fizikal.

Tugas murni seorang guru tidak akan tercapai sekiranya guru tidak menyerahkan diri mereka sepenuhnya dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek untuk memajukan anak bangsa. Justeru itu guru-guru agama perlu bersedia berkorban dari segala aspek untuk melihat anak-anak didik mereka berjaya dalam kedua-dua bidang iaitu duniawi dan ukhrawi.

Hak Milik MARA

PENUTUP

Permasalahan yang dihadapi Guru dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Pendidikan Islam di IKM Lumut tidak sampai ke tahap yang kronik dan membimbangkan dan boleh diselesaikan dengan menggunakan kaedah-kaedah yang dicadangkan di atas. Permasalahan dalaman seperti keilmuan guru, kemahiran melaksanakan pengajaran serta sifat dan personaliti boleh diubah melalui menghadiri kursus-kursus seperti kursus bina sikap, kursus kaedah pengajaran dan pembelajaran, seminar aplikasi komputer serta lain-lain kursus yang bersesuaian.

Guru agama perlu mengakui kelemahan diri sendiri dengan berusaha mempelajari sesuatu ilmu kemahiran berkaitan pengajaran dengan cara bertanya, berbincang, berdialog dengan penuh hikmah supaya tidak timbul suasana tegang dan selisih faham.

Guru-guru yang sudah lama berkhidmat perlu sentiasa bersifat terbuka untuk menunjuk ajar guru-guru yang masih baharu dalam perkhidmatan supaya tidak timbul jurang yang jauh di antara mereka. Manakala guru-guru yang masih baru perlu menimba ilmu pengetahuan dan mencari pengalaman dari sesiapa sahaja dan jangan sekali-kali merasa sudah cukup dengan apa yang ada.

Masalah luaran yang berkaitan dengan pengambilan pelatih, bilangan guru dan bilangan pelatih, prasarana seperti bilik kuliah, Alat Bantu Mengajar dan kemudahan komputer perlu sentiasa ditambah berbanding dengan jumlah pengambilan pelatih yang semakin bertambah dari setahun ke setahun. Begitu juga dengan persekitaran, sukatan pelajaran, kaedah pengajaran dan tugas guru memerlukan perbincangan dengan pihak pengurusan IKM Lumut untuk memperbaikinya dari semasa ke semasa.

Guru juga harus sedar bahawa tugas mendidik pelatih adalah yang paling utama kerana jika ia berkhidmat kerana Allah S.W.T maka pahala dan ganjaran yang diterima amatlah besar kerana dikira sebagai suatu sedekah jariah yang mana amalannya akan berkekalan di akhirat nanti.

RUJUKAN

al-Quran al-Karim.

Abdullah Ishak. 1995. *Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abd Rahim Abd Rashid. 2005. *Profesionalisme keguruan, prospek dan cabaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Syaibāni al-Azdariyy. 1997. *Sunan Abi Daud*. jld.5. Beirut: Dār Ibnu Hazm.

Al-Syaibāny, Omar Mohammad al-Toumy. 1979. *Falsafah pendidikan Islam*. Terj. Hassan Langgulung. Jakarta: Bulan Bintang.

Al-Tamimi, Izudin dan Badr Samrin. 1985. *Nazarat fi al-tarbiyyah al-Islamiyyah*. Darasatu al-Tarbawiyah. Cetakan pertama. Amman: Darul Basyar.

Ee Ah Meng. 1997. *Pedagogi 11, Pelaksanaan pengajaran*. Selangor : Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Faridah Hj. Jaafar. 1989. *Penggunaan alat bantu mengajar dalam pengajaran kesusasteraan melayu. Satu kajian di beberapa buah sekolah menengah di Bandar Melaka*. Latihan Ilmiah. Universiti Pertanian Malaysia.

IKM Lumut. 2006. *Buku panduan Pendidikan Islam*. Perak: Lumut.

IKM Lumut. 2006. *Rancangan Mengajar*. Perak: Lumut.

Mohamad Bin Che Ghani, Sufi Mohd Yusoff dan Norazlina Mohd Nasir. 2006. *Permasalahan yang dihadapi guru dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Pendidikan Islam di IKM Lumut*. Temu bual, 17 Februari.

Mohamad Bin Che Ghani. 2006. *Rancangan mengajar mingguan subjek pendidikan Islam*. Perak: IKM Lumut.

Mook Soon Sang. 2002. *Psikologi pendidikan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Tengku Iskandar. 1994. *Kamus dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zarina Abdul Malek. 2001. *Kemampuan guru mengajar, teori, strategi dan perkaedahan dalam pendidikan komputer*. Bahagian Sumber Manusia MARA: Kuala Lumpur.

<http://www.ikm.edu.my/lumut>. (16/05/06).

LAMPIRAN A

LATAR BELAKANG IKM LUMUT

Institut Kemahiran Mara Lumut terletak di Bandar Seri Manjung, lebih kurang 2 kilometer daripada Pekan Setiawan. Ia juga terletak dengan Pekan Lumut, Telok Batik dan Pulau Pangkor. Keluasan kampus IKM ini adalah 48 ekar iaitu yang terbesar dan juga tercantik di rantau ini. Ianya bermula pada tahun 1977 dan mula dirasmikan pada 23 Jun 1977 oleh Y.B. Dato' Abdul Manan Othman iaitu Menteri Perusahaan Awam Malaysia pada masa itu.

Struktur bangunan ini terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu bangunan utama yang merupakan bangunan pentadbir, bengkel latihan, bilik kuliah, dewan, surau, kantin, koperasi serta asrama. Di samping itu juga pihak IKM telah membina sebuah rumah pengetua dan ketua warden. IKM Lumut juga mempunyai 3 blok asrama putera dan puteri yang berasingan. Selain daripada itu akan diwujudkan lagi beberapa blok integrasi seperti makmahakmabilik teater, bilik kuliah yang berhubung dengan asrama yang kemudialan para pelatih. Seramai 1200 orang pelatih dan 130 orang tenaga pengajar, 14 kursus ditawarkan berbanding pada mulanya hanya 3 kursus sahaja di awal pembukaannya.

Kini IKM telah banyak memberi sumbangan dalam bidang sosial, ekonomi, dan intelektual. Juga telah menjalankan projek kemasyarakatan badan kerajaan dan swasta.

Selaras dengan perkembangan IKM Lumut telah merancang dan mewujudkan suasana kampus yang bersih dan nyaman seiring dengan saranan kerajaan serta pembangunan akademik dan perkembangan aktiviti.

Selaras dengan peningkatan dan perkembangannya MARA, IKM Lumut khasnya telah merancang serta merangka beberapa perubahan bagi meningkatkan taraf IKM terutamanya dalam menyediakan kemudahan kepada para pelatih dan warga IKM Lumut. Diantara perancangan yang telah dijalankan ialah meningkatkan kecergasan dalam menyediakan kemudahan kepada para pelatih dan warga IKM Lumut. Diantara perancangan yang telah dilakukan ialah menambah kemudahan asrama yang sedia ada bagi menampung jumlah

Selain itu, perancangan yang telah dilakukan ialah menambah kemudahan di asrama dengan selesa dan lebih terkawal dari pelatih yang semakin bertambah. Dengan ini para pelatih dapat menikmati kehidupan di asrama dengan selesa dan lebih terkawal dari aspek disiplin dan keselamatan para pelatih itu sendiri.

Para pelatih yang telah tamat menjalankan latihan di IKM Lumut akan berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi iaitu diploma di institut pengajian yang lebih tinggi dan mungkin akan berpeluang ke Unitek MARA yang akan dibuka tidak lama lagi.



Institut Kemahiran MARA


FAIL MEJA
LAMPIRAN B
Pembantu Tadris (Sior 1)

Mukasurat : 2/26
No. Ketuaran : 01
No. Pindaan : 00
Tarikh : 16/01/2006

Tarikh

1.0 CARTA ORGANISASI JABATAN


INSTITUT KEMAHIRAN MARA LUMUT





2.0 CARTA ORGANISASI UNIT

CARTA ORGANISASI UNIT PENTADBIRAN



KOD	KURSUS (Peringkat Sijil)		KURSUS DAN SYARAT KEMASUKAN		SYARAT KELAYAKAN		PROSPEK KERJAYA	
	KURSUS	IKM	TEMPOH	SYARAT KELAYAKAN	PROSPEK KERJAYA			
C 05	Teknologi Kejuruteraan Mekanikal Penyelidikan dan Penyusunan Uklara	Johor Baharu, Kuala Lumpur, Beseri & Besut	18 bulan		Juruteknik			
E 02	Teknologi Lukisan Kejuruteraan Awam & Struktur	Sungai Petani, Alor Setar	18 bulan		Pelapis Pelan, Juruteknik, Penyelia Tapak serta Melanjutkan pelajaran ke peringkat Tinggi			
E 03	Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Lukisan Dan Rekabentuk)	Lumut, Jasin, Kuala Lumpur, Besut, Johor Baharu, TYSA	18 bulan	SPM / SPM(V) sekurang-kurangnya Gred 3 dengan LULUS subjek Matematik dan Fizik atau Rancangan Sains atau subjek yang berkaitan.	Pendawai elektrik / juruteknik / melanjutkan pelajaran ke Peringkat Tinggi			
C 02	Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Domestik & Industri)	Lumut, Jasin, Kuala Lumpur, Besut, Johor Baharu, TYSA, Beseri, Kuching, Sungai Petani	24 bulan		Juruteknik (Bhg. Jentera, Pengujian dan Pemasangan) bertulis.			
C 04	Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Pempaga Jentera)	TYSA, Kuala Lumpur, Johor Baharu, Lumut, Sungai Petani, Jasin	36 bulan		(pilih yang berkenaan sahaja)			
E05	Teknologi Sambina	Lumut, Sungai Petani, Alor Setar, TSVA	18 bulan	SPM / SPMV dengan LULUS matematik dan fizik atau rumpuan sains dan kredit dalam subjek Luksuan atau Pendidikan seni.	Pelapis pelan / juruteknik & Melanjutkan Pelajaran Ke peringkat Tinggi			
D01	Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Industri)	Sungai Petani, Beseri, Besut, Kuching, TSVA	24 bulan		Juruteknik Elektronik			
D03	Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Instrument)	Johor Baharu, Sungai Petani, Beseri, Besut	24 bulan	SPM / SPMV dengan lulus Matematik dan Fizik atau rumpuan sains dan Bahasa Inggeris.	Melanjutkan Pelajaran Ke Peringkat Tinggi			
D04	Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)	Johor Baharu, Beseri	24 bulan					
D09	Teknologi Kejuruteraan Komputer	Besut	24 bulan					
D10	Teknologi Kejuruteraan Mekatronik	Beseri, Johor Baharu	24 bulan					

LAMPIRAN C

hak Milik MARA

KOD	KURSUS (Peringkat Sijil)	IKM	18 Bulan	18 Bulan	SPM / SPMV	a. Juruteknik b. Membuka perniagaan sendiri / Melanjutkan pelajaran ke Peringkat Tinggi.
B03	Teknologi Kejuruteraan Awam (Kerja Pasip)	Sg. Petani, Lumut, TSYA & Kuching	18 Bulan	18 Bulan	SPM / SPMV	a. Juruteknik b. Membuka perniagaan sendiri / Melanjutkan pelajaran ke Peringkat Tinggi.
I05	Teknologi Rekabentuk & Pengeluaran Perabut	Sg. Petani, Lumut, TSYA, Kuching & A. Sedar	18 Bulan	18 Bulan	SPM / SPMV & lulus Matematik / Fizik / Sains	a. Juruteknik b. Membuka Perniagaan c. Melanjutkan pelajaran ke Peringkat Tinggi
B01	Teknologi Kejuruteraan Awam (Bangunan)	Sg. Petani, Lumut, TSYA, Kuching & A. Sedar	18 Bulan	18 Bulan	SPM / SPMV & lulus Matematik / Fizik / Sains	a. Juruteknik b. Membuka perniagaan sendiri
AJ1	Teknologi Baikpulih Badan Kenderaan	Jasin, Lumut, Kuching & TSYA	18 Bulan	18 Bulan	SPM / SPMV & lulus Matematik / Fizik / Sains	a. Mekanik / Juruteknik b. Membuka Perniagaan Sendiri c. Melanjutkan Pelajaran Ke Peringkat Tinggi
G06	Teknologi Kimpalan dan Fabrikasi	Jobor Baharu, Jasin, Kuala Lumpur, TSYA, Berneri, Beut, Kuching, Lumut & Sungai Petani.	18 Bulan	18 Bulan	SPM / SPMV & lulus Kimia / Rampaian sains / Matematik	a. Juruteknik b. Membuka perniagaan sendiri
X03	Teknologi Upholsteri & Hiasan Dalam	Lumut & Sungai Petani.	18 Bulan	18 Bulan	SPM / SPMV & lulus Kimia / Rampaian sains / Matematik	a. Juruteknik b. Membuka perniagaan sendiri
G02	Teknologi Fabrikasi Kejuruteraan Logam	Kuala Lumpur	18 Bulan	18 Bulan	SPM / SPMV & lulus Matematik / Fizik / Rampaian sains	a. Mekanik / Juruteknik b. Membuka Perniagaan Sendiri c. Melanjutkan Pelajaran Ke Peringkat Tinggi
G21	Teknologi Kejuruteraan Kimia (Teknologi Elektro Penyedutan)	Jobor Baharu	18 Bulan	18 Bulan	SPM / SPMV & lulus Kimia / Rampaian sains / Matematik	a. Juruteknik b. Membuka perniagaan sendiri
A02	Teknologi Kejuruteraan Automobil	Lumut, Kuching, TSYA, Berneri	18 Bulan	18 Bulan	SPM / SPMV & lulus Matematik / Fizik / Rampaian sains	a. Mekanik / Juruteknik b. Membuka Perniagaan Sendiri c. Melanjutkan Pelajaran Ke Peringkat Tinggi
A06	Teknologi Kejuruteraan Mesin	Jobor Baharu, Berneri & Kuching	18 Bulan	18 Bulan	SPM / SPMV & lulus Matematik / Fizik / Rampaian sains	a. Mekanik / Juruteknik b. Membuka Perniagaan Sendiri c. Melanjutkan Pelajaran Ke Peringkat Tinggi
A08	Teknologi Kejuruteraan Automotif (Jenara Berneri)	Jasin	18 Bulan	18 Bulan	SPM / SPMV & lulus Matematik / Fizik / Rampaian sains	a. Mekanik / Juruteknik b. Membuka Perniagaan Sendiri c. Melanjutkan Pelajaran Ke Peringkat Tinggi
A09	Teknologi Kejuruteraan Automotif (Perdagangan)	Jobor Baharu & TSYA	18 Bulan	18 Bulan	SPM / SPMV & lulus Matematik / Fizik / Rampaian sains	a. Mekanik / Juruteknik b. Membuka Perniagaan Sendiri c. Melanjutkan Pelajaran Ke Peringkat Tinggi
G04	Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Foundri & Pembuat corak)	Lumut	18 Bulan	18 Bulan	SPM / SPMV & lulus Matematik / Fizik / Rampaian sains	a. Mekanik / Juruteknik b. Membuka Perniagaan Sendiri c. Melanjutkan Pelajaran Ke Peringkat Tinggi
G09	Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Penyelenggaraan Mesin)	Jobor Baharu, Jasin & Kuala Lumpur.	18 Bulan	18 Bulan	SPM / SPMV & lulus Matematik / Fizik / Rampaian sains	a. Mekanik / Juruteknik b. Membuka Perniagaan Sendiri c. Melanjutkan Pelajaran Ke Peringkat Tinggi
G17	Teknologi Kejuruteraan (Pembuatan)	Jobor Baharu, Jasin, Lumut & TSYA	18 Bulan	18 Bulan	SPM / SPMV & lulus Matematik / Fizik / Rampaian sains	a. Mekanik / Juruteknik b. Membuka Perniagaan Sendiri c. Melanjutkan Pelajaran Ke Peringkat Tinggi
G19	Teknologi Mekanikal (Penyelenggaraan Industri)	TSYA	18 Bulan	18 Bulan	SPM / SPMV & lulus Matematik / Fizik / Rampaian sains	a. Mekanik / Juruteknik b. Membuka Perniagaan Sendiri c. Melanjutkan Pelajaran Ke Peringkat Tinggi
B07	Teknologi Pengiklanan Dan Rekabentuk Grafik	Sg Petani	18 Bulan	18 Bulan	SPM / SPMV & lulus Matematik / Fizik / Sains / Lukisan / Pendidikan seni	a. Pelapis Iklan dan Grafik b. Melanjutkan pelajaran ke Peringkat Tinggi
A12	Mekanik Kejuruteraan Badan Dan Enjin Pesawat (Program Latihan MABA-Nordrop Rice)	Jasin	24 Bulan	24 Bulan	SPM / SPMV & Kumpulan Matematik / Lukisan / Sains / Kimia & B. Inggeris	a. Belajar sebagai FAA Certified Mekanik Pesawat